




KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN
2002

IsiKandungan



Rasional Logo	2
Profil Korporat	4
Canselor	5
Struktur Pengurusan	
• Lembaga Pengarah	6
• Pengurusan Universiti	7
• Dekan-Dekan	8
• Laporan Rektor	9
Hal Ehwal Akademik	
• Pengambilan Pelajar dan Program Pengajian	13
• Perkuliahuan dan Peperiksaan	14
• Senat	15
• Pusat Pengajian Siswazah	16
• Persidangan	17
• Penyelidikan	20
Hal Ehwal Pelajar	
• Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar	21
• Aktiviti	23
Sumber Manusia	
• Pengurusan	40
• Bahagian Pentadbiran	48
• Unit Teknologi Maklumat	54
• Perpustakaan	58
• Perhubungan Awam	60
Pentadbiran Fakulti	63
Pengurusan Kewangan 2002	71
Laporan Kewangan 2002	
• Perbelanjaan Mengurus	72
• Perbelanjaan Pembangunan	74
Penyata Pengurusan	75
Penyata Kewangan	77



Rasional Logo



Rehal

Tulisan KUIM (Kolej Universiti Islam Malaysia) diringkaskan dan dibentuk menjadi sebuah rehal yang membawa maksud landasan atau pelantar. Pelantar atau landasan itu melambangkan Kolej Universiti Islam Malaysia sebagai wadah penyampaian ilmu kepada pelajar-pelajarnya.

Kubah

Kubah yang terletak di tengah-tengah logo melambangkan sebuah institusi Islam yang berdaulat dalam penyampaian ilmu-ilmu Islam.

Arabes

Kelima-lima motif Arabes yang terletak di bawah kubah, setiap satunya membawa maksud satu rukun Islam.

Litar

Litar yang terletak bersebelahan tulisan KUIM pula bermaksud sains dan teknologi yang dibawa bersama dalam menyampaikan ilmunya.

Secara keseluruhan logo ini menunjukkan Kolej Universiti Islam Malaysia sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang membawa bersama dasar-dasar Islam dalam menyampaikan ilmu kepada penuntut-penuntutnya.



Profil Korporat

Moto

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa.

Falsafah

Paduan antara Ilmu Naqli dan Akli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

Misi

Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan dalam bidang pengajian Islam yang menggunakan teknologi terkini bagi menyelesaikan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat dan Islam.



Wawasan

Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

Objektif

- Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.
- Membina kesepadan antara teori dan amali dalam diri setiap mahasiswa yang dikeluarkan.
- Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara.
- Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini.
- Membekalkan tenaga kerja yang kukuh dengan penghayatan nilai-nilai Islam, mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

Canselor



**DYMM TUANKU NAJIHAH BINTI ALMARHUM
TUNKU BESAR BURHANUDDIN
TUANKU AMPUAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Struktur Pengurusan

Lembaga Pengarah Universiti •



YBhg Tan Sri Dr Mohamed Yusof Hj Md Noor

Pengerusi

Tan Sri Dr Mohamed Yusof Hj Md Noor
PSM, SPMT, DSSA, JMN, PPT, M.A. (al-Azhar), Dip. Pend. (Ain Shams), Ph.D (Cairo)

Ahli-Ahli

Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin
Dato' Dr Abdul Rahman Idris
Puan Nozirah Bahari
YB Dato' Mohd. Zawawi Salleh
Dato' Syed Amin Al Jeffri
Dato' Ahmad Tajuddin Abdul Rahman
Encik Izhar Sulaiman

Setiausaha

Prof Dato' Dr Abdullah Muhammad Zin

• Pengurusan Universiti

Rektor

Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin

Timbalan Rektor (Akademik & Penyelidikan)

Prof Dato' Dr Abdullah Muhammad Zin

Timbalan Rektor (Hal-Ehwal Pelajar & Pembangunan)

Prof Dr Mohammad Haji Alias

Bendahari

Puan Rohani Abu

Pendaftar

Ketua Pustakawan

Encik Jasmin Jaimon

Tuan Hj Addenan Hj Abd Rahman



Dari kiri ke kanan :
Puan Rohani Abu, Prof Dr Mohammad Haji Alias,
YBhg Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin,
YBhg Prof Dato' Dr Abdullah Muhammad Zin,
Tuan Hj Addenan Hj Abd Rahman dan En
Jasmin Jaimon.

Dekan-Dekan •

Fakulti Dakwah Dan Pengurusan Islam

Prof Dr Mohamed Asin Dollah

Fakulti Ekonomi Dan Muamalat

Prof Dr Muhamad Muda

Fakulti Syariah Dan Kehakiman

Prof Dr Abdul Samat Musa

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah

Tuan Hj Mohd Alwi Yusoff (Pemangku)

• Laporan Rektor

PADA bulan Jun 2002, genap dua tahun Universiti beroperasi dan dalam tempoh itu beberapa perkembangan dan kemajuan telah dicapai meliputi pelbagai aspek akademik dan bukan akademik. Perkembangan dan kemajuan yang dicapai ini bersesuaian dengan hasrat Universiti untuk memartabatkan pendidikan Islam secara positif dan inovatif dalam perkembangan negara yang mengutamakan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Tahun 2002 ini juga merupakan tahun yang amat signifikan dalam sejarah KUIM. Pada tanggal 22 Ogos 2002, bertempat di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap KUIM telah disempurnakan dalam suasana yang amat bermakna oleh YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Dengan perasmian tersebut, rasmilah sudah lokasi tetap sebuah Universiti Islam yang pertama ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada permulaan abad ke-21 ini. Sememangnya KUIM ditempatkan di satu kawasan yang mempunyai nilai dan keunikannya yang tersendiri. Sehubungan dengan perasmian ini, adalah menjadi tanggungjawab semua warga KUIM menjalankan tugas dengan penuh amanah demi mencapai wawasannya dalam memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Al-Marhum Tunku Besar Burhanuddin, Tuanku Ampuan Negeri Sembilan telah dilantik sebagai Canselor pertama Universiti ini. Istiadat penyerahan watikah perlantikan telah disempurnakan oleh



YBhg Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin

YBhg Tan Sri Dr Mohamed Yusof Noor, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti pada 4 April 2002 di Istana Besar Seri Menanti, Negeri Sembilan.

Kemasukan pelajar baru pada tahun 2002 adalah seramai 486 orang. Ini menjadikan jumlah pelajar yang berdaftar di KUIM adalah seramai 1287 orang yang terdiri daripada 486 orang pelajar Tahun 1, 1,551 orang pelajar Tahun 2 dan 250 orang pelajar Tahun 3. Pengambilan calon-calon pelajar bagi kursus-kursus yang berkaitan adalah calon-calon daripada lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) / Setaraf – kategori A, Lepasan Diploma

(Kes Khas) Kategori E, Matrikulasi – Kategori P dan pelajar lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) – kategori T.

Selaras dengan objektif KUIM untuk mempertingkatkan kualiti dan pengajian berteraskan penyelidikan, Pusat Pengajian Siswazah (PPS) ditubuhkan pada pertengahan 2002 bagi menguruskan program pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Penubuhan pusat tersebut telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan pada Julai 2002. KUIM telah menerima kemasukan beberapa orang pelajar dari dalam dan luar negara. Mereka mengikuti program ini di bawah struktur program secara penyelidikan dan penyediaan tesis.

Bagi memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran, pihak Universiti telah menyediakan prasarana dan kemudahan di kampus sementara dengan menambah bilik tutorial, bilik kuliah, makmal-makmal komputer, makmal bahasa dan sebuah Mahkamah Moot khas untuk para pelajar Fakulti Syariah dan Kehakiman.

Bersesuaian dengan hasrat Universiti untuk melahirkan graduan yang mampu menguasai dan mempunyai kemahiran komunikasi dalam pelbagai bahasa, khususnya dalam bahasa Arab dan Inggeris, KUIM telah mengadakan Kursus Intensif Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris iaitu Kelas Bimbingan Happy Hour bagi membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa-bahasa tersebut.

Senat KUIM merupakan badan akademik tertinggi yang berperanan melulus serta mengawal semua program dan urusan yang berkaitan dengan akademik. Pada tahun 2002, Senat telah meluluskan cadangan Penubuhan Pusat

Pengajian Siswazah dan Peraturan Program Pengajian Siswazah KUIM, cadangan Peraturan-peraturan KUIM bagi Pengajian Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat Dengan Kepujian serta beberapa perkara berkaitan dengan Hal ehwal Akademik.

Dalam aspek persidangan, permohonan daripada kakitangan akademik untuk menyertai persidangan dalam dan luar negara, peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, sama ada sebagai pembentang kertas kerja atau peserta telah meningkat berbanding tahun sebelumnya. Di samping itu, KUIM telah berjaya menganjurkan Persidangan Antarabangsa "Pengajian Islam di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Dunia" bertemakan "Pengajian Islam : Isu dan Cadaran di Era Globalisasi" yang telah menghimpunkan wakil-wakil dari institusi-institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara yang membincangkan prospek dan cabaran Pengajian Islam di era globalisasi.

Pihak Universiti melalui fakulti-fakulti juga aktif dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti persidangan di peringkat universiti. Antara aktiviti persidangan yang dianjurkan oleh pihak fakulti adalah berbentuk pembentangan kertas kerja, forum, ceramah, wacana dan bengkel. Individu-individu yang pakar dalam bidang tertentu juga dijemput untuk menjayakan program-program ini bagi memantapkan lagi ahli akademik KUIM.

Dalam usaha meningkatkan kecemerlangan universiti, pencapaian dalam penyelidikan yang terfokus amat diperlukan. Penganjuran beberapa aktiviti bagi memenuhi keperluan peningkatan dan pemantapan keupayaan penyelidik dalam

bidang ini telah dijalankan. Usaha ini memberi kesedaran kepada ahli akademik tentang kepentingan sikap proaktif dan sentiasa merebut peluang kerana penyelidikan merupakan salah satu aspek penting dalam penjanaan ilmu sesebuah universiti. Sehubungan itu, Universiti telah membentuk kumpulan penyelidikan bagi memastikan hasil penyelidikan mencapai matlamatnya. Begitu juga dengan penggubalan perancangan penyelidikan dan tatacara pengurusan kewangan yang membantu penyelarasan antara kumpulan penyelidik.

KUIM sentiasa memberi suasana kehidupan yang selesa untuk para pelajar dengan menyediakan kemudahan asrama yang mencukupi iaitu di Apartmen Riviera II dan Apartmen Rievera III berhampiran dengan kampus pembelajaran. Di samping itu, pelbagai kegiatan kemahasiswaan telah dijalankan sepanjang tahun 2002 sebagai usaha untuk menghasilkan masyarakat mahasiswa/i yang progresif dan seimbang melalui pelbagai aktiviti khidmat masyarakat, kem motivasi dan kem akademik.

Bagi memantapkan bidang akademik, pengajaran dan pengurusan Universiti, penambahan sumber tenaga amat diperlukan. Oleh itu, KUIM telah meningkatkan usaha pengambilan kakitangan akademik, pengurusan dan tenaga sokongan. Sehingga kini, jumlah keseluruhan kakitangan KUIM adalah seramai 227 orang di mana daripada jumlah ini, 83 orang adalah tenaga akademik, 144 orang kakitangan pentadbiran yang terdiri daripada kumpulan pengurusan dan profesional dan kumpulan sokongan. Usaha pemantapan

sumber manusia ini juga dikukuhkan lagi dengan perlantikan Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Pembangunan bagi memantau hal-hal khususnya berkenaan Hal Ehwal Pelajar dan Pembangunan. Perlantikan Profesor dan Profesor Madya juga dibuat bagi mencapai tujuan di atas.

Satu Majlis Anugerah Khas telah diadakan bagi menghargai warga Universiti yang telah menunjukkan komitmen yang jitu dan prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun 2001. Seramai 25 orang kakitangan daripada pelbagai Jabatan, Bahagian dan Unit telah menerima Sijil Anugerah Khas yang telah disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti. Bersempena dengan majlis ini juga disampaikan cenderamata penghargaan kepada YB Dato' Mohd Zawawi Salleh, ahli Lembaga Pengarah Universiti atas sumbangan besar beliau terhadap perkembangan awal KUIM.

Majlis ini juga menyaksikan pelancaran Manual Prosedur Kerja serta Buku Panduan Staf KUIM buat julung kalinya. Penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Buku panduan staf ini bertujuan memperkemaskan sistem pengurusan dan pentadbiran serta memberi panduan tentang prosedur kerja dan maklumat umum yang penting berkenaan Universiti dan pentadbiran.

Bagi memantapkan organisasi dan pengurusan KUIM, pihak Universiti telah menghantar sebilangan kakitangannya menghadiri kursus-kursus anjuran organisasi luar yang berkaitan dengan bidang kerja masing-masing.

Pembangunan kampus tetap KUIM bermula sejak tahun 2000 dengan penentuan tapak kampus tetapnya.

Selaras dengan misi Universiti yang bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan dalam bidang pengajian Islam berteraskan teknologi terkini bagi menyelesaikan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat dan Islam, KUIM telah mengambil tindakan untuk menyediakan Pelan Induk ICT yang menelan belanja sebanyak RM70 juta di kampus tetap kelak. Pada peringkat permulaan ini, pihak Universiti telah mengaplikasikan penggunaan ICT dalam proses-proses kerja sehari-hari bagi menjamin kualiti dan keefisyenannya. Pihak Universiti telah menggunakan modul-modul terkini dalam urusan akademik, pentadbiran, perpustakaan dan kewangan.

Penyediaan sumber ilmu pengetahuan merupakan fungsi utama perpustakaan. Oleh yang demikian, pengukuhan koleksi Perpustakaan melibatkan program-program di KUIM iaitu Pengajian Al-Quran dan Sunnah, Dakwah dan Pengurusan Islam, Syariah dan Kehakiman dan Ekonomi

dan Muamalat telah dipertingkatkan yang terdiri daripada CD-ROM, filem, kaset dan lain-lain bahan multimedia. Selain itu, terdapat juga kemudahan capaian pengkalaman data atas talian dalaman untuk artikel-artikel KUIM.

Dalam usia yang semuda ini, KUIM telah mengorak langkah dalam usaha memantapkan dirinya sebagai sebuah IPTA yang ke 12 di negara ini yang berhasrat untuk menjadi sebuah pusat pengajian yang terkehadapan dan mampu bersaing serta mendapat pengiktirafan pada peringkat negara dan antarabangsa.



Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
Rektor
Kolej Universiti Islam Malaysia

Hal Ehwal Akademik

• Pengambilan Pelajar dan Program Pengajian

Pada Sesi Akademik 2002/2003, KUIM menawarkan empat (4) program pengajian pra-siswazah secara sepenuh masa untuk ijazah berikut:

- Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian
- Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian

orang tahun ketiga. Pengambilan calon-calon pelajar bagi kursus-kursus yang berkaitan adalah calon-calon daripada lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Setaraf kategori A, Lepasan Diploma (Kes Khas) Kategori E, Matrikulasi – Kategori P dan pelajar lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) kategori T. Bilangan pelajar KUIM berdasarkan fakulti dan tahun pengajian adalah seperti di *Jadual I*.

Bilangan pelajar tahun 2002 adalah seramai 1287 orang iaitu 486 orang tahun pertama, 551 orang tahun kedua dan 250

JADUAL I

Fakulti	Tahun Pengajian			Jumlah
	1	2	3	
Fakulti Syariah dan Kehakiman	140	175	87	402
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah	124	167	82	373
Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam	121	209	81	411
Fakulti Ekonomi dan Muamalat	101	–	–	101
Jumlah	486	551	250	1287

Perkuliahan dan Peperiksaan •

Perkuliahan 2002/2003 bagi Semester Pertama telah bermula pada 27 Mei, manakala bagi Semester Kedua pada 28 Oktober 2002, sesi 2002/2003. Semua perkuliahan dan peperiksaan diadakan di Kampus Sementara KUIM. Setiap dewan kuliah mempunyai kapasiti sebanyak 200 orang pelajar, manakala bagi bilik kuliah dan bilik tutorial masing-masing dengan kapasiti 100 orang dan 30 orang pelajar. KUIM turut menyediakan dua buah makmal komputer dengan kapasiti bilangan pelajar seramai 40 orang dan sebuah makmal bahasa dengan kapasiti bilangan

pelajar seramai 30 orang. Selain itu juga, sebuah Mahkamah Moot turut disediakan khusus untuk pelajar-pelajar Fakulti Syariah dan Kehakiman. Bagi tujuan perkuliahan, para pelajar KUIM telah dibahagikan kepada kumpulan yang lebih kecil di mana para pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan, iaitu kuliah, tutorial, makmal, dan ko-kurikulum agar pengajaran dan perkuliahan menjadi lebih berkesan.

Bersesuaian dengan hasrat Universiti untuk melahirkan ilmuan Islam yang mempunyai kemahiran berkomunikasi dalam pelbagai bahasa, khususnya mahir dalam bahasa Arab dan Inggeris, beberapa aktiviti diadakan. Antaranya:

- Kursus Intensif Bahasa Tambahan bagi pelajar Fakulti Syariah dan Kehakiman, Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam dan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.
- Kursus Intensif Bahasa Inggeris bagi Pelajar Tahun 1.
- Kelas Bimbingan MUET bagi pelajar Tahun Akhir.
- Bengkel Menjawab Soalan MUET bagi Pelajar Tahun 2.
- Kelas Bimbingan *Happy Hour* pelajar Tahun Akhir Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam diadakan setiap hari selepas waktu bekerja jam 6.00-7.00 petang mulai November 2002.



• Senat

Senat KUIM merupakan sebuah badan akademik tertinggi yang berperanan penting dalam mengawal segala urusan yang berkaitan dengan akademik KUIM. Bagi tahun 2002, Senat telah bersidang sebanyak 6 kali bagi meluluskan beberapa perkara berkaitan dengan hal ehwal akademik. Antaranya ialah:

- Cadangan Penubuhan Pusat Pengajian Siswazah dan Peraturan Program Pengajian Siswazah, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).
- Cadangan Peraturan-Peraturan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) (Pengajian Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat Dengan Kepujian) 2001.
- Pemindahan kredit bagi pelajar lepasan diploma.
- Cadangan Garis Panduan Pengecualian Jam Kredit, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Cadangan Garis Panduan Pemindahan Jam Kredit, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Cadangan Pertambahan klausu dalam Peraturan-peraturan Kolej Universiti Islam Malaysia bagi semua program pengajian.
- Cadangan Peraturan dan Garis Panduan bagi Perlantikan Penilai Luar Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).
- Cadangan Penyusunan semula kursus Fakulti Syariah dan Kehakiman, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).
- Cadangan Program Ijazah Sarjana Muda Kaunseling Islam dengan Kepujian (Sm.K.I.[Kep]).
- Cadangan Penubuhan Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (IPPF).
- Cadangan Kursus Ko-Kurikulum Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).



Pusat Pengajian Siswazah (PPS) •

Pusat Pengajian Siswazah (PPS) ditubuhkan pada pertengahan tahun 2002 bagi mengurus program pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di KUIM. Pada 9 Julai 2002, penubuhannya telah diluluskan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).

Pada Semester Pertama Sesi 2002/2003, PPS telah menerima kemasukan 5 orang pelajar bagi program Sarjana dan Doktor Falsafah, manakala pada Semester Kedua, jumlah pelajar siswazah KUIM bertambah 3 orang lagi, menjadikan jumlah keseluruhan 8 orang. Kesemua calon tersebut mengikuti

pengajian di bawah struktur program secara penyelidikan dan penyediaan tesis. Bilangan pelajar pengajian siswazah dan peringkat pengajian bagi sesi 2002/2003 adalah mengikut *Jadual II*.

Pelajar-pelajar siswazah di Kolej Universiti Islam Malaysia merangkumi pelajar dari dalam dan luar negara. *Jadual III* di bawah menunjukkan taburan pelajar mengikut negara.

JADUAL II

Program Pengajian	Peringkat Pengajian		Jumlah
	Sarjana	Doktor Falsafah	
Syariah dan Kehakiman	3	1	4
Pengajian Quran dan Sunnah	1	1	2
Dakwah dan Pengurusan Islam	1	1	2
Ekonomi dan Muamalat	-	-	-
Jumlah	5	3	8

JADUAL III

Program	Warganegara	Pelajar	Jumlah
Sarjana	Malaysia	3 Orang	5 Orang
	Indonesia	2 Orang	
Doktor Falsafah	Malaysia	1 Orang	3 Orang
	Burkina Faso	1 Orang	
	Arab Saudi	1 Orang	
Jumlah			8 Orang

• Persidangan

KUIM telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa mengenai "Pengajian Islam di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Dunia" pada 29-30 Julai 2002 bertempat di Hotel Palace Of The Golden Horses, Kuala Lumpur. Persidangan dua hari tersebut telah dihadiri oleh wakil daripada institusi-institusi pengajian tinggi seluruh dunia. Sempena persidangan tersebut, tujuh kertas kerja telah dibentang yang berkisar kepada prospek dan cabaran pengajian Islam di beberapa negara.

Pelbagai aktiviti dan wacana telah diadakan, antaranya ialah:

- Wacana Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam.
 - Taammulat Fi al-Da'wah Ila al-Islam.
(Dr. Shamsul Bahri Andi Galigo)
 - Dakwah Fungsional: Penampilan Islam Secara Kontekstual.
(Prof. Dr. H.A.Ya'kub Matondang)
 - Unsur Pengurusan Dalam Bible dan Hubungannya Dengan Penyebaran Agama Kristian/Pengantar Pendidikan Keronhian Islam.
(Dr. Muhammad Yusuf Khalid)

- Dakwah Islamiyyah di Sisi Gerakan Islam Semasa: Wasilah Atau Tujuan? / Kepentingan Epistemologi Dalam Perkembangan Ilmu dan Pembangunan Tamadun.

(Dr. Hersi Mohamed Hilole,
En. Mohd. Radhi Ibrahim)

- Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM).

Prof. Dr. Masadul Alam Choudhury dari School of Business University College of Cape Breton, Canada bagi membentangkan sebuah topik berkaitan perkembangan ekonomi bertajuk 'Knowledge In Islam: Pedagogy and Involvement' pada 5 Februari 2002.



Di samping itu, KUIM juga telah menghantar beberapa orang ahli akademik yang terdiri daripada Dekan-dekan Fakulti, pensyarah serta guru bahasa menyertai seminar kebangsaan dan antarabangsa. Di antara seminar-seminar tersebut ialah Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah – ‘Harta Sepencarian: Isu-isu dan Amalan, *The Inaugural UPSI International Teacher Education Conference, Asia Pacific Economics and Business Conference 2002, International Conference on Language, Linguistics and the Real World* dan Konvensyen Ar-Rahnu (Pajak Gadai Islam) Serantau dan Seminar Mengenali Emas.

Selain menjadi peserta, terdapat juga ahli akademik KUIM yang telah dijemput khas untuk membentang kertas kerja di seminar-seminar seperti ini. *Jadual IV* menunjukkan senarai ahli akademik KUIM yang telah menghadiri dan membentang kertas kerja di persidangan-persidangan bagi tempoh Januari – November 2002.

JADUAL IV

Nama	Fakulti/Unit	Program /Anjuran	Tarikh	Kertas Kerja
En Mohd Radhi Ibrahim	FDPI	Seminar Kebangsaan Falsafah Pendidikan • <i>Fakulti Pendidikan, UM</i>	12 – 13 Ogos 2002	Pendekatan Kaunseling Menurut Al-Quran dan Al-Hadith
Prof Dr Mohammad Hj Alis	Timbalan Rektor	Asia Pacific Economics & Business Conference 2002 • <i>Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM</i>	12 – 13 Ogos 2002	A Robust Estimation of Cointegrating Relationship Between Palm Oil and Soybean: Result From The Bounds Test
En Mohd Fauzi Mohd Amin	FQS	Seminar Serantau Pengajian Ilmu Al-Quran dan Al-Hadis • <i>Pusat Islam dan Unit Bahasa Arab, Jabatan Asing FBM, UPM</i>	12 – 13 Ogos 2002	Kitab Tanbih al-Ghafilin - Satu Kajian Terhadap Pengaruh dan Hadisnya
Puan Asma Abdul Rahman	Unit Bahasa Arab	Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke 3 • <i>Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia</i> • <i>Bahagian Teknologi Pendidikan Malaysia</i> • <i>Kementerian Pendidikan Malaysia</i> • <i>Jabatan Pendidikan Negeri Perlis</i> • <i>Pusat Sumber Pendidikan Negeri Perlis</i>	6 – 9 September 2002	Kegunaan ICT dan Internet Dalam Sistem Pembelajaran Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris di APTA (negara Arab dalam Era Globalisasi)
Prof Dr Mohamed Asin Dollah	Dekan FDPI	Simposium Dakwah Peringkat Negeri Pahang • <i>Jabatan Agama Islam Negeri Pahang</i>	29 September 2002	Gerakan Dakwah di Malaysia & Antarabangsa: Cabaran dan Penentangan
En Mohd Radhi Ibrahim	FDPI	Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Ke 2 • <i>Universiti Pendidikan Sultan Idris</i>	8 – 15 Oktober 2002	Pembentukan Minda Melayu: Kajian Kritis Terhadap Warisan Cerita Melayu
Dr Md Ali Hassan	FEM	Seminar Kebangsaan Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia 2002	22 – 23 Oktober 2002	Pembangunan Pengurusan: Satu Kajian Perbandingan Antara Syarikat Multinational Jepun & Bukan Jepun Di Malaysia
Puan Norhayati Rafida Abdul Rahim	UPU	Seminar Kebangsaan Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia 2002	22 – 23 Oktober 2002	Pembangunan Pengurusan: Satu Kajian Perbandingan Antara Syarikat Multinational Jepun & Bukan Jepun Di Malaysia
Puan Asma Abdul Rahman	Unit Bahasa Arab	Persidangan Linguistik ASEAN 2 • <i>Universiti Brunei Darussalam</i>	28 – 30 Oktober 2002	Perubahan Semantik Bahasa Arab Menerusi Analisis Hadith Sahih Al-Bukhari

Nota :

FDPI : Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam

FQS : Fakulti Quran dan Sunnah

FEM : Fakulti Ekonomi dan Muamalat

UPU : Unit Pengajian Umum

Penyelidikan •

Selaras dengan hasrat menjadikan KUIM sebagai sebuah Universiti penyelidikan, pelbagai usaha telah dijalankan, selain meletakkan kemantapan kemahiran dan pengurusan penyelidikan sebagai agenda utama Jawatankuasa Penyelidikan Universiti.

Bagi tujuan tersebut, aktiviti penyelidikan telah diadakan sama ada yang dianjurkan oleh pihak fakulti sendiri mahu pun oleh pihak pengurusan Universiti. Penyelarasan aktiviti penyelidikan peringkat fakulti adalah di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Penyelidikan Peringkat Fakulti yang dipengerusikan Dekan Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam (FDPI).

Pembentukan beberapa kumpulan penyelidik telah dilaksanakan bagi memastikan hasil penyelidikan yang mantap. Begitu juga dengan penggubalan perancangan penyelidikan dan tatacara pengurusan kewangan yang membantu keselarasan antara kumpulan-kumpulan penyelidik.

Penganjuran beberapa aktiviti bagi memenuhi keperluan peningkatan dan pemantapan keupayaan penyelidik dalam bidang ini telah dijalankan. Penyertaan dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan telah dapat memenuhi keperluan peningkatan dan pemantapan keupayaan penyelidik dalam bidang ini. Seterusnya, memberi kesedaran kepada peserta tentang kepentingan sikap proaktif dan sentiasa merebut peluang kerana penyelidikan adalah salah satu aset penting dalam penjanaan ilmu sesebuah universiti.

Projek yang sedang dijalankan adalah seperti:

- Kajian Kegiatan Skim Cepat Kaya di Semenanjung Malaysia.

- Pengajian Ilmu Islam Dalam Bahasa Arab di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia: Kajian Analisis dan Perbandingan.
- Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah Menengah di Malaysia – Permasalahan dan Cara Mengatasinya.
- Analisis dan Penyusunan Sistem Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua: Kajian & Pembinaan Sukatan di Institut Pengajian Tinggi Awam di Negara Arab Tahap Pertama.
- Online Contracts & The Concepts Of Caret Emptor: A Comparative Study Based On Malaysian Contract Law & Islamic Contract Law.
- Hadith Mawdu' – Implikasi Dalam Kehidupan Masyarakat Malaysia, Tumpuan Kajian di Lembah Klang.
- Penerimaan Masuk Sebagai Peguam Syarie di Malaysia.
- Dakwah Kepada Masyarakat Cina: "Kajian Perbandingan di Antara Darul Fitrah di Malaysia, Darul Arqam di Singapura dan Yayasan Ukhudah Islamiah di Indonesia".
- Ethnographic Study: Understanding The Usage Of English Of English Language At KUIM.
- Kajian Keberkesanan Iqra' Sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca Al-Quran di Semenanjung Malaysia.

Hal Ehwal Pelajar

Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar •

Pinjaman Biasiswa dan Tabung Kebajikan

Pelajar-pelajar KUIM menerima pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), biasiswa JPA, pinjaman Majlis Amanah Rakyat (MARA), Yayasan-yayasan dan Kerajaan Negeri. Selain

dari pada itu, Kolej Universiti Islam Malaysia juga menyediakan tabung-tabung seperti Tabung Kebajikan dan Tabung Kecemasan kepada pelajar yang belum memperolehi pinjaman pendidikan dan juga menghadapi masalah kewangan semasa. Jumlah pelajar yang menerima bantuan adalah seperti ditunjukkan dalam *Jadual V* berikut;

JADUAL V

Organisasi	Jumlah Pelajar	Peratus
PTPTN	1043	92.14
Biasiswa JPA	40	3.53
Pinjaman MARA	12	1.06
Pinjaman Kerajaan Negeri Selangor	7	0.62
Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah	3	0.27
Dermasiswa Kerajaan Negeri Selangor	2	0.18
Pinjaman Kerajaan Terengganu	2	0.18
Biasiswa Kerajaan Negeri Kelantan	1	0.09
Pinjaman Kerajaan Negeri Serawak	1	0.09
Dermasiswa Majlis Agama Johor	1	0.09
Yayasan/pertubuhan lain	3	0.27

Perkhidmatan Rundingan dan Kaunseling

Perkhidmatan Kaunseling ini dilakukan secara individu dan kelompok. Dua orang kaunselor ditempatkan di unit ini bagi membantu pelajar dalam bidang sahsiah, akademik, kerjaya dan juga berkaitan dengan penajaan.

Sepanjang tahun 2002, sebanyak 225 sesi pertemuan telah dijalankan. Sebanyak 140 pertemuan daripada jumlah tersebut adalah berkaitan dengan penajaan. Pertemuan dilaksanakan melalui temujanji dan pertemuan secara terus.





Perkhidmatan Pusat Sumber Motivasi dan Kerjaya

Pusat Sumber Motivasi dan Kerjaya ditempatkan di bawah Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah. Pusat sumber ini telah diperluaskan perkhidmatannya selain buku-buku dan bahan-bahan berkaitan personaliti, motivasi dan kerjaya dengan menyediakan akhbar-akhbar harian, majalah dan prospektus universiti-universiti dalam dan luar negara untuk rujukan para pelajar. Selain itu, pusat sumber ini juga menjadi tempat rujukan iklan kerjaya, profil syarikat, jabatan dan agensi kerajaan dan swasta serta maklumat bakal majikan. Alat kajian dan inventori psikologi juga disediakan supaya pelajar dapat menilai potensi diri sendiri dan memahami kecenderungan diri.

Perkhidmatan Kesihatan

Universiti telah melantik dua buah klinik panel untuk kemudahan rawatan kesihatan pelajar. Bentuk rawatan yang diberikan adalah rawatan pesakit luar sepanjang 24 jam. Bagi kes-kes yang serius, pelajar-pelajar akan dirujuk ke hospital kerajaan/universiti yang berdekatan.

Pengangkutan dari Asrama ke Kampus

Pihak universiti juga menyediakan kemudahan pengangkutan kepada pelajar daripada asrama ke kampus. Pengangkutan ulang alik ini disediakan bermula dari pukul 7.30 hingga 10.45 malam. Sebanyak empat buah bas yang disewa dengan syarikat luar dan juga dua buah bas KUIM digunakan untuk perkhidmatan ini.

Penginapan Pelajar

KUIM setakat ini berupaya menampung keseluruhan pelajarnya mendiami asrama yang disediakan. Bangunan asrama KUIM terletak di Apartmen Riviera II dan III di Taman Cempaka Cheras. Pihak Universiti telah melantik beberapa orang kakitangan untuk menguruskan pentadbiran asrama dan fellow untuk membimbing dan menasihati penghuni-penghuni asrama dalam melaksanakan aktiviti serta soal kebijakan penghuni. Kawalan keselamatan disediakan 24 jam ke atas penghuni asrama.



• Aktiviti Pelajar (Seminar/Bengkel/Kursus)

Kempen “Coupling” Secara Syar’ie

Kempen yang dilangsungkan selama sebulan ini bertujuan untuk memberikan satu panduan bagi pelajar-pelajar dalam menangani masalah seumpama ini mengikut perspektif Islam. Pengisian program lebih kepada menyediakan maklumat-maklumat mengenai hubungan gender yang dibenarkan oleh Islam.

Majlis Penyampaian Watikah Jawatankuasa Kebajikan Siswa/i Asrama (JAKSA)

Seramai 11 orang pelajar menerima watikah perlantikan daripada pihak KUIM sebagai pengiktirafan menganggotai jawatankuasa tersebut. Mereka yang terpilih akan memikul tanggungjawab untuk menjaga kebajikan penghuni asrama selama satu sesi.

Majlis Penyampaian Watikah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

Seramai 10 orang ahli MPP yang dipilih melalui proses pilihanraya telah menerima watikah tersebut bagi menerajui pimpinan pelajar KUIM sesi 2001/2002. Majlis ini berlangsung pada 17 Januari 2002.

Pertandingan Tilawah Al-Quran Antara IPTA

KUIM telah menghantar seorang peserta dalam Pertandingan Tilawah Al-Quran Antara IPTA yang dianjurkan oleh Universiti Malaya pada 17 Januari 2002.



Kursus Pengurusan Organisasi MPP dan JAKSA

Semua barisan Pemimpin pelajar KUIM yang terdiri daripada ahli-ahli MPP dan JAKSA menghadiri kursus ini dan berpeluang mempelajari aspek teori dan praktikal dalam menguruskan sesebuah organisasi pelajar seperti penyediaan kertas kerja, etika sosial protokol dan cara pengendalian mesyuarat. Kursus ini diadakan selama 3 hari bermula 18 hingga 20 Januari, di Camar Laut, Bagan Lalang, Sepang.

Program Siswi Cinta Negara 2002 (SISTER 02)

Program ini dianjurkan oleh WAWASAN, INMIND dan BALKIS yang bertemakan "Mengungkap Patriotisme Mahasiswa" pada 24 Januari bertempat di Kelab Darul Ehsan. Seramai 40 pelajar siswi KUIM telah menyertainya.

Seminar Bina Negara

Seminar ini diadakan di Kompleks JPN, Pusat Pentadbiran Putrajaya dengan 10 orang pelajar KUIM yang aktif dalam bidang sukan dipilih untuk menyertainya. Kursus ini bertujuan memupuk semangat cintakan negara dan menanamkan babit perjuangan demi kesejahteraan agama, bangsa dan tanah air.

Program Forum Perdana Ehwal Islam

Pada 27 Januari bertempat di Riviera III, Biro Kebajikan dan Kerohanian MPP telah menganjurkan satu forum ilmiah yang bertajuk "Cinta Menurut Perspektif Islam". Panel yang terlibat terdiri daripada tenaga akademik KUIM dan ia telah dihadiri oleh semua pelajar KUIM.

Majlis Perlantikan MPP Baru

Saudara Mohd Isa Amat telah terpilih sebagai ahli MPP yang baru bagi sesi 2001/2002 ini. Majlis penyerahan watikah berlangsung di Bilik Rektor pada 29 Januari 2002. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kepada kecemerlangan akademik dan sahsiah yang beliau miliki.

Seminar Kerjaya UIAM

Seramai 40 orang pelajar KUIM menyertai seminar sehari ini pada 3 Februari 2002 yang diadakan di UIA, Gombak. Seminar ini bertujuan mendedahkan para peserta tentang karier dan kerjaya pilihan serta memberi tip-tip berkesan dalam menghadapi sesi temuduga.

Gotong Royong di Masjid Kampung Baru, Cheras

Seramai 100 siswi dan 30 siswa telah sama-sama menerangkan bakti dalam program kemasyarakatan ini pada 3 Februari 2002 di Masjid Kampung Baru, Cheras. Aktiviti ini bertujuan mengeratkan hubungan dua hala antara para pelajar dan penduduk setempat.

Program Perjumpaan MPP IPTA

Pada 8 dan 9 Februari 2002 bertempat di Hotel Legend, Kuala Lumpur, ahli MPP KUIM telah menyertai program ini yang bertujuan menyelami permasalahan para pelajar IPTA seluruh negara. Ia juga menjadi satu platform bagi MPP IPTA untuk berinteraksi sesama mereka.

Kejohanan Debat Piala Diraja Antara Universiti Malaysia

Berlangsung pada 6 hingga 11 Februari 2002, KUIM dengan diwakili oleh 20 orang pelajar telah membawa cabaran dalam kejohanan berprestij ini. KUIM telah berjaya memperbaiki rekod pencapaian dengan memenangi beberapa peringkat saringan.

Majlis Pertemuan Pengerusi LPU Bersama MPP dan JAKSA& Majlis Lafaz Ikrar Pelajar (Wakil) KUIM

Bertempat di Hotel De Palma, Ampang, satu majlis ramah mesra dan makan malam bersama YBhg Tan Sri Dr Mohamed Yusof Mohd Noor, Pengerusi LPU KUIM dan pemimpin pelajar yang terdiri daripada MPP dan JAKSA telah diadakan. Satu majlis lafaz ikrar "Akuanji Pelajar" juga disempurnakan oleh wakil pelajar dalam majlis itu.

Kejohanan Debat Permodalan Nasional Berhad (PNB)

KUIM telah diwakili oleh tapan orang pendebat bersama dua orang pegawai pengiring yang berlangsung pada 18-24 April 2002 bertempat di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah Darul Aman.

Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK)

Program anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia ini bertempat di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya diwakili oleh 4 orang ahli MPP. Antara agenda yang diperdebatkan menerusi program tersebut ialah masalah pelajar IPTA serta tanggungjawab MPP sebagai badan yang bertindak membantu menyelesaikan masalah di kalangan pelajar.



Seminar Perbudayaan ICT

Seminar Perbudayaan ICT berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang telah dihadiri seramai 25 orang pelajar pada 3 Mei 2002. Budaya ICT di kalangan pelajar IPT harus diberi pendedahan sewajarnya demi peningkatan kemahiran IT yang menjadi cabaran utama dunia globalisasi.

Pendaftaran Pelajar Baru & Minggu Taaruf sesi 2002/2003

Seluruh kakitangan dengan dibantu seramai 40 orang pelajar telah terlibat dalam menjayakan hari pendaftaran (Dataran Riviera II) Pelajar Baru dan Minggu Taaruf sesi 2002/2003 (Dewan MPAJ) pada 18-23 Mei 2002. Pengambilan kali ini melibatkan kumpulan pertama pelajar Fakulti Ekonomi dan Muamalat.



Perjumpaan MPP & JAKSA Dengan pelajar Baru

Semua ahli MPP dan JAKSA telah mengadakan perjumpaan ramah mesra bersama pelajar-pelajar baru sesi kemasukan 2002/2003 pada 31 Mei 2002 bertempat di Riviera III. Tujuan pertemuan untuk memberi maklumat mengenai peraturan-peraturan serta suasana yang bakal dilalui oleh pelajar apabila berada di kampus.

Program Gotong Royong Asrama

Bagi menyahut seruan kerajaan untuk mewujudkan persekitaran yang bersih dan amalan cara hidup sihat, pihak Pengurusan Asrama telah mengambil inisiatif dengan mengadakan program gotong-royong yang disertai seramai 400 orang pelajar, felo penghuni serta Pengetua Asrama. Program yang dijalankan pada 15 Jun 2002 bertempat di Asrama Riviera III telah menampakkan kesungguhan dan keprihatinan warga asrama terhadap kebersihan alam sekitar.

Majlis Makan Malam Bersama Pengerusi LPU & Anak-Anak Terengganu

Majlis Makan Malam Bersama Pengerusi LPU dan anak-anak Terengganu yang diadakan di Dewan Merak Kayangan, Bangunan Felda Jalan Gurney Kuala Lumpur telah dihadiri seramai 30 orang pelajar pada 21 Jun 2002 yang lalu. Perhimpunan tersebut bertujuan

menemukan semua anak kelahiran Terengganu yang sedang belajar di IPTA.

Seminar Pengenalan Undang-Undang

Seminar Pengenalan Undang-undang anjuran Fakulti Syariah dan Kehakiman telah disertai seluruh pelajar Fakulti FSK yang diadakan pada 22 Jun 2002. Program yang bertempat di Auditorium MPAJ telah memperlihatkan struktur dan tata-cara mahkamah syariah dalam mengendalikan kes-kes perkahwinan dan jalan penyelesaiannya.

Perjumpaan Anak-Anak Kelantan Bersama YBhg Dato' Mustapha Mohamad

Himpunan Melayu Muda Kelantan Malaysia (HIKMAH) telah menganjurkan program ini dengan diwakili 40 orang anak kelahiran Kelantan bertempat di Kuala Lumpur International Hotel. YBhg Dato' Mustapha Mohamad selaku tetamu utama telah menyeru agar pelajar-pelajar IPTA meningkatkan kemahiran lain selain pengetahuan yang sedia ada bagi menghadapi prospek kerjaya yang begitu mencabar pada masa hadapan. Pada masa yang sama, beliau turut memperkatakan mengenai pembangunan negeri Kelantan adalah berdasarkan sumbangan pelajar IPTA apabila berjaya memanfaatkan ilmu yang dipelajari kelak.



Konvensyen Mahasiswa Melayu Kebangsaan

Konvensyen Mahasiswa Melayu Kebangsaan berlangsung di Hotel Dynasty Kuala Lumpur anjuran WAWASAN telah dihadiri 40 orang pelajar pada 29-30 Jun 2002. Antara topik yang dibincangkan adalah mengenai kualiti pelajar Melayu yang kian merosot akibat gejala-gejala sosial yang semakin menular di kalangan pelajar IPTA.

Pertandingan Law Treasure Hunt

Pertandingan Law Tresure Hunt anjuran UIAM telah diadakan pada 3-4 Julai 2002 yang disertai seluruh IPTA. 10 orang pelajar KUIM menyertai program tersebut.

Program Young Woman Convention

Bertempat di UIAM pada 6-7 Julai 2002 yang disertai seluruh warga wanita IPTA. KUIM juga tidak ketinggalan dan turut menghantar serama 40 orang pelajar yang diketuai oleh Exco Latihan dan Pendidikan MPP, Saudari Nur Aida Abd Rahman. Antara isu yang diperdebatkan ialah kehidupan alaf baru yang kian mencabar bagi kaum wanita serta prospek kerjaya pada masa hadapan.

Pelancaran Kutipan Tabung Afghanistan

Pelancaran Kutipan Tabung Afganistan HEP telah disempurnakan oleh Rektor pada 2 Ogos 2002 bertempat di Ruang Legar, Menara B. Jemputan pelancaran tersebut terdiri daripada ahli MPP, JAKSA dan pensyarah-pensyarah serta kakitangan pentadbiran KUIM. Kutipan yang berjumlah RM709.75 telah diserahkan kepada pihak

urusetia Tabung Afghanistan Kementerian Pendidikan Malaysia oleh Yang di Pertua MPP KUIM.

Pertandingan Debat Alam Sekitar

Pertandingan Debat Alam Sekitar anjuran MADUM telah diadakan pada 4-8 Ogos 2002 yang diwakili oleh 4 orang peserta dengan diiringi seorang pegawai pengiring yang berlangsung di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Seminar Keusahawanan Siswazah MAMPAN 2002

Seminar anjuran Majlis Mahasiswa Siswazah Pahang (MAMPAN) telah dihadiri seramai 40 orang anak kelahiran Pahang pada 17 Ogos 2002 bertempat di Hotel Vistana, Kuala Lumpur.

Sambutan Hari Wanita Peringkat Kebangsaan

Sambutan Hari Wanita Peringkat Kebangsaan telah diwakili oleh seramai 138 mahasiswi KUIM. Sambutan tersebut telah diadakan pada 25 Ogos 2002 bertempat di Stadium Putra Bukit Jalil yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dengan diiringi Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga.



Perjumpaan Dengan Pemimpin Mahasiswa Sabah & Sarawak

Pada 2 September 2002 pihak Biro Tatanegara (BTN) telah menganjurkan perjumpaan tersebut. KUIM telah menghantar 4 orang pelajar wakil mahasiswa Sabah & Sarawak. Program ini berlangsung di Biro Tatanegara cawangan Selangor.

Program Malam Penutup Bulan Kemerdekaan dan Minggu Bahasa Inggeris

Program telah dirasmikan oleh Timbalan Rektor (HEP & Pembangunan). Program ini berlangsung selama satu bulan sempena sambutan Hari Kemerdekaan yang ke 45. Pelbagai program dan pertandingan telah dijalankan untuk menarik minat pelajar bagi menghayati konsep dan perjuangan mengisi kemerdekaan sebenarnya. Di antara program yang dijalankan adalah seperti pertandingan mendeklamasiikan puisi, pertandingan berbalas pantun, pertandingan kuiz kemerdekaan dan mencipta kad kreatif yang bertemakan kemerdekaan.

Kursus Biro Tatanegara (BTN)

Kursus Biro Tatanegara merupakan acara tahunan yang wajib dihadiri oleh pelajar tahun KUIM. Pada sesi 2002/2003 KUIM telah menghantar seramai 240 orang pelajar menjalani Kursus Biro Tatanegara yang diadakan di dua tempat berasingan iaitu di Kem BTN Besut, Terengganu dan

Kem BTN Ulu Seperi, Negeri Sembilan. Melalui kursus ini, pelajar didedahkan kepada pelbagai aktiviti berkumpulan dan ceramah motivasi untuk memantapkan semangat pelajar dalam mengharungi cabaran masa kini.

Kejohanan Debat Piala Diraja

Kejohanan Debat Piala Diraja ini telah diadakan pada 19 hingga 26 Oktober dengan disertai seramai 24 orang peserta. Kejohanan ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bertempat di Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Semarak Kuala Lumpur.

Asean Student Leadership Conference

KUIM telah menghantar 2 orang pelajar menghadiri program ini yang berlangsung di Universiti Teknologi Mara Shah Alam, Selangor pada 30 Oktober 2 November 2002. Dalam program ini, pelajar dapat menimba pengalaman dalam perbincangan mengenai hala tuju negara-negara ASEAN.

Kursus Gerak Gempur Perdana IPTA 2002

Kursus yang dianjurkan oleh Biro Tatanegara dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Khas dan Kementerian Belia dan Sukan ini telah dihadiri oleh 9 orang pelajar tahun 2. Kursus ini dianjurkan

untuk memberi motivasi dan menanam semangat patriotisme terhadap negara. Program ini telah diadakan di IBBM, Kemensah Hulu Kelang Kuala Lumpur pada 1 hingga 3 November 2002.

Konvensyen Mahasiswa Bersama Pemimpin 2002

Konvensyen ini diadakan di Negeri Perak Darul Ridzuan dan telah dihadiri oleh 2 orang wakil pelajar KUIM pada 2 hingga 4 November 2002.

Kursus Fasilitator dan Pengurusan Organisasi Pembimbing Rakan Universiti

Kursus ini telah diadakan pada 11-13 Mei 2002 di Kem El-Azzhar, Morib, Selangor Darul Ehsan. Seramai 30 orang ahli Pembimbing Rakan Universiti (PRU) telah menyertai kursus ini dengan diiringi seorang urusetia dan 4 orang fasilitator. Kursus selama 3 hari 2 malam ini diadakan untuk mendedahkan pembimbing pelajar tentang teori dan teknik yang bersesuaian dalam mengendalikan kelompok di samping memberi pengetahuan asas berkaitan kemahiran menjadi fasilitator serta pengetahuan dan praktikal dalam menguruskan organisasi. Melalui input kursus yang berkaitan dengan pendedahan kepada teori dan teknik bimbingan, Pembimbing Rakan Universiti diharapkan dapat menjalankan tugas bimbingan rakan sebaya dengan lebih berkesan dan mempelajari cara menguruskan organisasi dengan tersusun.

Bengkel Pengurusan Masa dan Teknik Pembelajaran Efektif

Bengkel Pengurusan Masa dan Teknik Pembelajaran Efektif telah dijalankan sepanjang bulan Julai dan Ogos tahun ini. Objektif bengkel ini diadakan adalah bertujuan memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang kepentingan aspek pembangunan kualiti akademik mereka. Di samping itu, ianya bertujuan memberikan input-input yang bersesuaian untuk merangsangkan motivasi dan minda mereka. Di dalam bengkel ini juga, pelajar diberi "Tips Pengurusan Masa Efektif", "Inventori Kemahiran Belajar" dan lain-lain aktiviti sampingan. Penyertaan dibuka kepada semua pelajar. Penyertaan pelajar adalah seramai 15 orang pada setiap sesi bengkel dan dikendalikan oleh 3 orang ahli Pembimbing Rakan Universiti (PRU). Bengkel ini diadakan sebanyak 10 sesi bermula jam 9.00 malam hingga 11.00 malam bertempat di Bilik Mesyuarat Pengurusan Asrama Riviera III.

Program Pembangunan Mahasiswa Dengan Kerjasama Biro Tatanegara

Salah satu program tahunan anjuran Bahagian Hal-ehwal Pelajar ialah Program Pembangunan Mahasiswa dengan kerjasama Biro Tatanegara. Program ini diadakan bertujuan untuk membina ketahanan diri dan semangat berpasukan di kalangan pelajar serta memberikan input-input semasa yang berkaitan dengan kenegaraan. Pada tahun ini, seramai 230 orang pelajar telah dipilih ke Kem Bina Negara, Ulu Sepri, Negeri Sembilan

manakala 236 orang pelajar lagi telah dipilih mengikuti kursus tersebut di Kem Bina Negara Besut, Terengganu. Kesemua pelajar yang terlibat adalah pelajar tahun satu sesi pengambilan Mei 2002/2003. Antara aktiviti-aktiviti yang menarik di dalam kursus ini adalah sesi kembara, ceramah, latihan dalam kumpulan (LDK) dan lain-lain lagi. Program 4 hari ini yang bermula dari 30 September 2002 sehingga 4 Oktober 2002 telah diadakan dengan jayanya.

Program Motivasi dan Pemantapan Sahsiah

Selain menjalankan aktiviti dan program yang berobjektifkan motivasi dan pembangunan sahsiah di kalangan pelajar KUIM, Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah, Bahagian Hal-ehwal Pelajar juga turut memainkan peranan menyumbang bakti kepada masyarakat luar melalui program-program yang dirancang dari masa ke semasa. Program Motivasi dan Pemantapan Sahsiah telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Idris Shah II, Gerik, Perak Darul Ridzuan pada 25 hingga 28 April 2002. Sasaran peserta terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah berkenaan yang bakal menduduki peperiksaan SPM dan STPM tahun 2002. Antara tenaga-tenaga penggerak yang terlibat dalam menjayakan program ini ialah pegawai-pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Kebajikan Siswa/i Asrama (JAKSA), Pembimbing Rakan Universiti (PRU), Sekretariat Sukan dan lain-lain pelajar yang telah dilantik sebagai

fasilitator. Jumlah keseluruhan tenaga penggerak yang terlibat ialah seramai 40 orang. Seramai 200 orang pelajar sekolah tersebut terlibat dan penyertaan mereka amat memberangsangkan dalam semua aktiviti yang diadakan.

Kursus Induksi Pembimbing Rakan Universiti

Seramai 30 orang ahli baru PRU telah dilantik melalui temuduga bagi sesi 2002/2003. Satu program khas telah diadakan untuk mendedahkan ahli-ahli baru mengenai pendekatan pembimbing di Universiti agar memiliki pemahaman dan kemahiran yang sepatutnya ada dalam memikul tugas sebagai pembimbing rakan sebaya. Kursus Induksi PRU ini telah diadakan pada 25 hingga 27 Oktober 2002 di Laman Bestari Resort, Ulu Yam. Antara objektif kursus tersebut adalah untuk memberikan pendedahan awal tentang konsep PRU, teori dan teknik-teknik asas kaunseling, membentuk semangat berpasukan (team building), membentuk sifat kepimpinan yang tinggi, membentuk sikap berani, berdikari dan yakin diri terhadap halangan dan cabaran yang bakal dihadapi. Kursus ini merangkumi beberapa slot seperti ceramah, riadah, kembara, solat berjemaah dan sesi khas membuat kertas kitar semula. Secara amnya, kursus ini mengambil kira kedua-dua aspek rohani dan jasmani untuk tujuan keseimbangan dari sudut pelaksanaannya.

Kursus Pra-Perkahwinan

Kursus Pra-perkahwinan telah diadakan pada 13 dan 14 Julai 2002 bertempat di Dewan Kuliah, Menara B, Persiaran MPAJ. Kursus ini adalah anjuran bersama Pembimbing Rakan Universiti dengan kerjasama Bahagian Perundungan Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor Darul Ehsan (JAIS). Tujuan kursus ini diadakan ialah untuk memberikan ilmu berkaitan kekeluargaan serta melahirkan keluarga bahagia yang merangkumi hukum-hakam, pengurusan ekonomi rumah tangga, pendidikan kesihatan serta cara-cara perhubungan suami isteri dan ahli keluarga masing-masing. Selain itu, ia juga dapat mengurangkan kadar kepincangan rumah tangga, penceraian dan keruntuhan institusi kekeluargaan. Antara ceramah-ceramah yang telah disampaikan ialah “Tanggungjawab Suami Isteri Menurut Islam” oleh Ustaz Md Jais Kamus, “Punca Keretakan Rumahtangga dan Cara Mengatasinya” oleh Ustaz Hj Mohd Amin Husin dan lain-lain lagi. Penyertaan dibuka kepada semua pelajar dan kakitangan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan yuran penyertaan yang dikenakan ialah RM35 bagi setiap peserta.

Kuiz Jalinan Merdeka

Kuiz Jalinan Merdeka telah diadakan bersempena dengan bulan kemerdekaan sebagai sebahagian daripada siri aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah, Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Penyertaan kuiz ini dibuka kepada semua pelajar Kolej

Universiti Islam Malaysia (KUIM) mengikut fakulti masing-masing. Pelaksanaan aktiviti ini diharapkan dapat menjadi suatu aktiviti yang bermanfaat bagi meningkatkan pengetahuan dan penghayatan pelajar tentang peristiwa kemerdekaan tanahair secara khususnya dan sejarah keahlawanan Islam keseluruhannya. Selain itu, program seumpama ini dapat memberi pendedahan awal kepada pelajar sebelum menyertai pertandingan lain di peringkat inter-varsiti. Kuiz ini yang telah diadakan pada 24 Ogos 2002 turut menyaksikan Fakulti Syariah dan Kehakiman muncul sebagai juara, diikuti dengan Fakulti Quran dan Sunnah dan seterusnya Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam. Diharapkan kuiz yang seumpama ini akan dapat diteruskan di masa-masa akan datang kerana ianya sangat bermanfaat dan memberi banyak pengetahuan.

Program Muhibbah JAKSA dan Pengurusan Asrama

Dianjurkan oleh Majlis Felo yang melibatkan Pengetua, Pengurusan Asrama dan JAKSA bertempat di Kolam Air Panas, Kuala Woh, Perak. Pelbagai aktiviti riadah dan sukan air telah diadakan. Program ini telah dijalankan pada 23 Jun 2002 (Ahad) bermula antara 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

Majlis Makan Malam Gema Warisan

Majlis telah dijalankan pada 26 Ogos 2002 (Isnin) di Restoran 3DND, Pusat Belia Antarabangsa, Cheras. Dihadiri oleh Jawatankuasa Urusetia Gema Warisan, beberapa orang Pengurusan Tertinggi KUIM, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Taman Muda, Pengerusi Persatuan Khat Kebangsaan, Barisan Felo, Pengurusan Asrama dan kakitangan KUIM yang terlibat. Majlis berjalan dengan lancar.

Jamuan Tahunan (Malam Amal Perdana Sesi 2001/2002)

Jamuan Tahunan penghuni asrama Kolej Universiti Islam Malaysia sesi 2001/2002 telah diadakan dengan jayanya pada 8 Februari 2002 di Restoran Nelayan, Kuala Lumpur. Jamuan tahunan yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kebajikan Siswa/i Asrama sesi 2001/2002 adalah dengan kerjasama Pengurusan Asrama dan Felo-felo Penghuni. Jamuan ini telah disertai oleh semua pelajar dan telah dirasmikan oleh YBhg Tan Sri Dr Mohamed Yusof Mohd Noor.

English Language Week

Program ini dijalankan untuk membantu dan mempertingkatkan lagi penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan para pelajar. Sehubungan itu, JAKSA Sesi 2001/2002 telahpun menganjurkan Minggu Bahasa Inggeris di Asrama pada 23-25 Ogos 2002.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah:

- Dictation
- Scrabble Contest
- Reading Article Contest
- Open Dictionary Contest
- Win, Lose or Draw

Sepanjang minggu itu juga, bahasa perantara adalah Bahasa Inggeris. Penyertaan amat menggalakkan.

Lawatan Ilmiah ke Pulau Langkawi (LIPUR)

Telah dijalankan dengan jayanya pada 30 Oktober 2002 hingga 3 November 2002. Seramai 40 peserta telah mengikuti lawatan tersebut bersama seorang Pegawai Pengiring. Antara tempat-tempat yang dilawati adalah KEMAS, RTM, Makam Mahsuri, Beras Terbakar, Karangkraf Malaysia, Pusat Penyelidikan Flora, Galeri Perdana, Telaga Ayer Hangat, Tanjung Rhu dan pantai Chenang.

Program Ihya Ramadhan

Program ini dijalankan pada 6 November 2002 hingga 5 Disember 2002. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

- Solat Terawih.
- Majlis Nuzul Quran
- Tadarus Al-Quran
- Qiamuallail
- Malam Mawardah Bersama Rektor KUIM

- Pembukaan Kaunter Zakat Fitrah
- Kuiz Addin
- Tayangan Dokumentari Jejak Rasul
- Pertandingan Reka Cipta Kad Raya
- Pertandingan Poster Kempen Ramadhan Al-Mubarak

Kursus Pengurusan Jenazah

Dijalankan pada 9 November 2002. Peserta terdiri daripada kakitangan HEP, MPP dan JAKSA. Bertempat di Bilik Mesyuarat Fakulti, Tingkat 13, Menara A, Menara MPAJ. Kursus dijanjikan oleh Jawatankuasa Pengurusan Jenazah KUIM dengan dibantu oleh 2 orang penceramah daripada JAWI.



Perlantikan Sekretariat Sukan dan Rekreasi

Bagi sesi 2001/2002 pihak USR telah melantik seramai 50 orang pelajar KUIM melalui temuduga bagi mengisi beberapa jawatan dalam sekretariat tersebut. Perlantikan para pelajar ini berdasarkan latar belakang dan komitmen yang mampu diberikan oleh pelajar untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancangkan.

Kursus Pengurusan Sekretariat Sukan & Rekreasi

Kursus yang dijalankan di The Woods Resorts Ulu Yam pada 11-13 Januari 2002 bertujuan memberi pendedahan kepada ahli sekretariat berkaitan peranan dan tanggungjawab sebagai ahli Sekretariat Sukan dan Rekreasi (SSR) dalam menentukan hala tuju pelajar KUIM dan menarik minat mereka mencebur aktiviti di luar bilik kuliah. Selain dari itu juga diselitkan program-program berteraskan fizikal seperti aktiviti bina diri, kaedah asas perkhemahan, asas bantu mula, asas bacaan peta dan aktiviti rempuh halangan. Aktiviti seperti ini dapat memberi pengalaman baru dan menanam semangat kerja berpasukan antara ahli yang terlibat.

Kursus Asas Pendidikan Luar & Rekreasi

Kursus ini dikendalikan oleh Sekretariat Sukan dan Rekreasi (SSR) dengan kerjasama Unit Sukan dan Rekreasi (USR)

yang memberi peluang kepada pelajar KUIM yang berminat untuk menyertai aktiviti luar dan rekreasi terutama semasa cuti semester. Seramai 120 orang pelajar telah terlibat dalam menjayakan program ini yang dilaksanakan setiap hari Sabtu selama 1 bulan.

Ekspedisi Pendakian 2002

Pada tahun 2002, USR dan SSR telah bergabung untuk melaksanakan satu program siri pendakian ke beberapa gunung sebagai menyahut slogan "KUIM CERGAS KUIM CERDAS". Ekspedisi yang dirancang ini juga merupakan sebahagian dari siri pendakian bertujuan mengibarkan bendera gemilang KUIM di atas puncak gunung. Tiga buah gunung telah di pilih pada ekspedisi ini iaitu Gunung Bunga Buah di Pahang, Gunung Datok di Negeri Sembilan dan Gunung Ledang di Johor.

Karnival Rakan Muda IPTA

KUIM telah menghantar seramai 44 orang pelajar menyertai karnival peringkat kebangsaan ini. Karnival Rakan Muda ini yang berlangsung pada 7-12 April 2002 telah menarik minat IPTA dan juga IPTS berdua kekuatan dalam 9 acara termasuk sukan mendaki, sukan orienteering, sukan mendayung dan juga acara bermotor iaitu sukan go-kart. Secara keseluruhan, KUIM berjaya meletakkan nama sebaris dengan IPTA lain yang turut bertanding apabila memenangi beberapa acara seperti mendayung dan berkenu.

Sukan Minggu Jalinan Mesra 2002

Unit Sukan dan Rekreasi (USR) dan Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah menganjurkan Sukan Minggu Jalinan Mesra 2002 bertujuan mengeratkan silaturahim di kalangan pelajar tahun 1,2,3 serta kakitangan. Selain dari itu, program ini juga bertujuan mencungkil bakat-bakat baru di kalangan pelajar yang akan menyertai Sukan Antara Fakulti 2002 yang akan berlangsung pada bulan Jun hingga Ogos 2002.

Pertemuan Jurulatih Sukan dengan Atlit-atlit KUIM

Pertemuan Jurulatih Sukan bersama atlit-atlit KUIM telah berlangsung pada 11 Julai 2002 di bilik mesyuarat fakulti sebagai persiapan kontinjen sukan KUIM ke MASUM yang akan berlangsung Oktober ini. Kehadiran jurulatih-jurulatih ini diharap dapat meningkatkan prestasi atlit dalam acara-acara yang akan disertai.

Program Latihan Pusat Sukan MASUM

Meneruskan kesinambungan dari Sukan MASUM 2001, USR telah mengadakan program pemilihan dan latihan bersepadu bagi persiapan kontinjen KUIM ke Sukan MASUM 2002. Lebih daripada 100 orang atlit telah menyertai program tersebut yang dijalankan secara berpusat merangkumi aspek peningkatan kecergasan serta teknik kecergasan yang sistematis bagi persediaan diri dan pasukan. Program

yang dikendalikan sendiri oleh Unit Sukan mendapat sambutan yang amat menggalakkan walaupun pelajar sibuk dalam persiapan menghadapi peperiksaan akhir semester.

Sukan MASUM 2002

Seramai 150 orang kontinjen yang terdiri dari atlit, urusetia dan pegawai terlibat dalam Sukan MASUM 2002 yang telah berlangsung di UiTM. KUIM telah menyertai 7 acara yang dipertandingkan iaitu Bola Sepak, Bola Jaring, Sepak Takraw, Ping Pong (L & W), Badminton (L & W), Bola Baling Wanita dan Bola Tampar Lelaki. Walaupun KUIM tidak mensasarkan pungutan pingat untuk Sukan MASUM kali ini, namun kontinjen KUIM 2002 telah mempamerkan semangat juang dan berpasukan yang tinggi dalam persaingan kali ini dengan memperbaiki beberapa rekod jaringan dan perbezaan mata dalam penyertaan KUIM sejak MASUM 2000.

Ekspedisi ke Gunung Datuk, Rembau, Negeri Sembilan

Program Rehlah yang dianjurkan oleh JAKSA sesi 2001/2002 telah diadakan pada 3-6 Mac 2002. Pelbagai aktiviti yang dijalankan, antaranya:

- Kembara Alam
- Khemah Ibadah
- Mencari Harta Karun

Ekspedisi ini diiringi 2 orang pegawai.

Kejohanan Pencak Silat MASUM

Kejohanan Pencak Silat MASUM yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan KUIM telah diwakili oleh 10 orang pelajar dengan diiringi Pegawai Belia dan Sukan HEP. Kejohanan ini diadakan pada 21-23 Jun 2002 dan KUIM telah memenangi pingat gangsa.

Projek Gotong Royong

Pada 15 Jun 2002 (Sabtu) telah diadakan gotong royong di kawasan kolej kediaman Riviera II dan III. Projek juga disertai oleh semua pelajar, Felo-felo Penghuni dan kakitangan asrama. Kerja-kerja pembersihan lebih tertumpu kepada kawasan persekitaran, lobi serta di kediaman penghuni asrama. Juga diselitkan aktiviti senam robik beramai-ramai di dataran Riviera III.

Pertandingan Pesta Pantun MAKUM Rakan Muda IPTA

Universiti Sains Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi pertandingan kali ini yang diadakan pada 31 Oktober hingga 3 November 2002. Seluruh IPTA telah melalui pertandingan getir apabila format peraturan diubah kepada pantun spontan, iaitu peserta tidak dibenarkan membawa sebarang alat tulis dan dikehendaki menjawab dalam tempoh masa 15 saat. Pasukan pemantun KUIM telah mempamerkan persembahan yang menarik.

Pertandingan Nasyid Antara IPTA

Kumpulan Al-Qawaria telah membawa cabaran KUIM dalam Pertandingan Nasyid Antara IPTA di Universiti Malaya pada 20 Januari yang lalu dan berjaya memperolehi tempat ke-4.

Minggu Jalinan Mesra KUIM

Minggu Jalinan Mesra KUIM julung kali diadakan bagi bertujuan mengeratkan hubungan antara kakitangan dan para pelajar. Program dilaksanakan selama seminggu bermula 12-19 Jun 2002 dimulai dengan acara sukan dan malam penutupnya disemarakkan dengan persembahan kebudayaan dan penyampaian hadiah yang disampaikan oleh Timbalan Rektor (HEP & Pembangunan). Program diadakan di Asrama Riviera II, dimeriahkan dengan acara berbalas pantun, mendeklamasi puisi serta persembahan dikir barat. Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada kakitangan akademik dan bukan akademik KUIM.

Pertandingan Dikir Barat Sempena Pesta Konvokesyen UTM Skudai, Johor

Buat julung kalinya Kolej Universiti Islam Malaysia menyertai pertandingan Dikir Barat IPTA anjuran Universiti Teknologi Malaysia. Program ini telah berlangsung pada 21 Julai 2002 bertempat di UTM, Skudai Johor dan pasukan Dikir Barat KUIM yang dianggotai seramai 30 orang

pelajar telah mendapat tempat ke-3 dalam penyertaan kali ini.

Sayembara Deklamasi Puisi IPTA

Sempena dengan sambutan bulan kemerdekaan ke-45, UPSI dipilih menjadi tuan rumah program Sayembara Deklamasi Puisi IPTA 2002 pada Ogos 2002. Program kerjasama bersama MAKUM itu bertambah meriah dengan dihadiri beberapa tokoh sastera dan budayawan negara seperti A. Samad Said, A. Rahim Abdullah dan ramai lagi.

Pertandingan Serumpun Bahasa & Dialek

Pertandingan ini dibuat dengan tujuan memberi pendedahan terhadap pelbagai dialek yang terdapat dalam negara kita. Bertempat di Riviera III dengan disertai oleh 5 kumpulan dari Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak, Kelantan serta campuran dari pelbagai negeri. Kumpulan Poring-Poring telah menjadi juara dalam pertandingan yang diadakan itu.



Jemputan ke Majlis Malam Puisi Islam 2002

KUIM telah menghantar 8 orang pelajar untuk menyertai malam puisi Islam yang berlangsung di Dewan Muktamar Pusat Islam Kuala Lumpur. Jemputan program ini dapat memberi pendedahan kepada pelajar KUIM mengenai puisi Islam yang dipertandingkan.

Pertandingan Nasyid Siswi

Pertandingan Nasyid Siswi anjuran JAKSA 2001/2002 telah dijalankan pada 30 Jun 2002 bertempat di Lobi Riviera III. Sebanyak 9 kumpulan telah bertanding dengan jayanya. Pertandingan dirasmikan oleh isteri Rektor, YBhg Datin Ramah Abd Manan.

Projek Penulisan Khat Terpanjang, Malaysia Book Of Records

Projek ini dianjurkan oleh kumpulan Gema Warisan yang terdiri daripada pelajar-pelajar tahun II. Seramai 30 orang pelajar terlibat dalam proses penghasilan tulisan tersebut. Penulisan Khat yang menggunakan khat thuluth untuk menulis surah Yasin. Tulisan ditulis di atas kain kanvas berukuran 1 meter lebar sepanjang 270 meter panjang. Tempoh penulisan adalah bermula 14 April 2002 hingga 14 Mei 2002. Perasmian projek telah dijalankan pada 8 Julai 2002 dengan dirasmikan oleh YBhg Tan Sri Dr Mohamed Yusof Mohd Noor.



Sambutan Bulan Kemerdekaan

Sambutan bulan kemerdekaan diadakan bermula 17 Ogos 2002 sehingga 16 September 2002 dengan menggantung dan mengibarkan jalur gemilang di setiap tingkat di unit-unit tertentu di asrama Riviera II dan III. Selain itu beberapa aktiviti juga dijalankan antaranya:

- Pertandingan Pantun
- Pertandingan Mendeklamasikan Sajak
- Pertandingan Mereka Kad Ucapan Kemerdekaan
- Pertandingan Mencipta Slogan Kemerdekaan
- Majlis Bacaan Yaasin dan Tahlil



Sumber Manusia

Pengurusan •

Proses pemantapan pengurusan dan pentadbiran KUIM terus dilaksanakan dengan perkembangan bilangan kakitangan Universiti. Jumlah kakitangan KUIM pada tahun 2002 adalah seramai 225 orang, iaitu 84 orang tenaga akademik yang terdiri daripada 6

orang Profesor, 47 orang pensyarah, 19 orang tutor dan 12 orang guru bahasa serta 141 orang kakitangan pentadbiran yang terdiri daripada 36 orang kumpulan pengurusan dan profesional, dan 102 orang kumpulan sokongan. (*Jadual VI, VII dan VIII*)

JADUAL VI : Kedudukan Tenaga Akademik Tetap, Kontrak/Sementara KUIM Mengikut Fakulti.

Kakitangan Akademik	Peruntukan	FSK	FDPI	FQS	FEM	Unit Pengajian Umum	Unit Bahasa	Jumlah Mengikut Kategori	Jumlah Kosong
Profesor	9	1	2	1	2	-	-	6	3
Prof. Madya	16	-	-	-	-	-	-	-	16
Pensyarah	50	13	6	9	8	3	8	47	1**
Guru Bahasa	14	-	-	-	-	-	12	12	2
Tutor	17	4	3	5	5	-	2	19*	-
Jumlah	106	18	11	15	15	3	22	84	22

* Telah mengguna pakai peruntukan 2 jawatan Pensyarah DS45

** Telah diguna pakai dengan pengisian jawatan Tutor DA41

JADUAL VII : Kedudukan Perjawatan Pentadbiran KUIM 2002.

Jawatan Tetap/Kontrak	Peruntukan Jawatan Pentadbiran 2002	Jumlah Pengisian	Kekosongan	Catatan
Pengurusan Tertinggi/Profesional	3	3	-	
Pengurusan Profesional	32	36*	-	
Sokongan	106	102**	4	Jawatan yang belum diisi ialah 3 Pengawal Keselamatan KPII 1 Pembantu Perpustakaan S17
Jumlah	141	141	4	

* Termasuk 4 jawatan kontrak (iaitu 2 orang Penolong Pendaftar di Senat dan Pembangunan, seorang Penolong Bendahari dan seorang Pegawai Sistem Maklumat).

** Termasuk 2 jawatan kontrak (iaitu seorang Ketua Pembantu Tadbir, seorang Pembantu Rendah Awam).

JADUAL VIII : Kedudukan Perjawatan Berdasarkan Status Lantikan.

Jawatan	Tetap	Kontrak	Sementara	Pinjaman	Jumlah Keseluruhan
Pengurusan Tertinggi/Profesional	-	2	-	1	3
Akademik	46	19	19	-	84
Pengurusan Profesional	32	4	-	-	36
Sokongan	100	2	-	-	102
Jumlah	178	27	19	1	225

Mulai 1 Februari 2002, pihak Pengurusan Universiti telah melantik YBhg Prof Dr Mohamad Haji Alias sebagai Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Pembangunan. Beliau sebelum ini merupakan Profesor di Sekolah Ekonomi, Universiti Utara Malaysia. Perlantikan beliau adalah secara pinjaman selama tiga (3) tahun iaitu sehingga 30 November 2004. Sementara itu, seorang lagi Profesor telah dilantik di Fakulti Syariah dan Kehakiman mulai 1 Julai 2002 iaitu YBhg Prof Dr Abdul Samat Musa. Beliau kemudian telah dilantik sebagai Dekan Fakulti Syariah dan Kehakiman mulai 1 September 2002, menggantikan Tuan Sheikh Salim Sheikh Salleh.

Urusan pengambilan kakitangan baru dilaksanakan secara berterusan bagi memantapkan sistem pentadbiran serta pengurusan Universiti. Sejak dengan rancangan pengambilan kakitangan baru bagi tahun 2003, iklan perjawatan KUIM telah dikeluarkan pada 6 Oktober 2002 di mana sebanyak 23 jawatan telah ditawarkan. Sistem pengambilan buat pertama kalinya menggunakan Borang OMR bagi membolehkan maklumat permohonan diproses secara berkomputer. Penggunaan sistem ini diharap dapat membantu pihak Pengurusan dalam mempercepatkan proses pemilihan calon dan berdasarkan sistem merit yang telah ditetapkan. Proses temuduga bagi jawatan-jawatan yang diiklankan bermula pada 1 November 2002.



Anugerah Khidmat Cemerlang

Majlis Anugerah Khas telah diadakan pada 11 Mei 2002 bertujuan untuk mengiktiraf dan menghargai para kakitangan yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun 2002. Seramai 25 orang kakitangan daripada pelbagai Jabatan, Bahagian dan Unit telah menerima Sijil Anugerah Khas yang telah disampaikan oleh YBhg Tan Sri Dr Mohamed Yusof Mohd Noor, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti. Bersempena dengan majlis ini juga disampaikan cenderahati penghargaan kepada YB Dato' Mohd Zawawi Salleh atas sumbangan besar beliau terhadap perkembangan awal KUIM. Selain anugerah penghargaan, majlis ini juga menyaksikan pelancaran Manual Prosedur Kerja serta Buku Panduan Staf KUIM buat julung kalinya. Penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Buku Panduan Staf ini bertujuan untuk mempermudahkan sistem pengurusan dan pentadbiran serta memberi panduan tentang prosedur kerja dan maklumat umum yang penting berkaitan Universiti.

Pengesahan Jawatan

Jawatankuasa Pengesahan Jawatan untuk kakitangan KUIM telah ditubuhkan pada 30 Mei 2002. Seramai sepuluh (10) orang kakitangan telah disahkan dalam jawatan pada tahun 2002.

kepada kakitangan KUIM. Seramai 2 orang kakitangan KUIM telah diluluskan pinjaman perumahan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan. (BPPP)

Jawatankuasa Tatatertib

Untuk menjaga disiplin kakitangan dan memastikan semua peraturan dipatuhi, Jawatankuasa Tatatertib untuk Kakitangan KUIM telah ditubuhkan pada 24 Julai 2002. Jawatankuasa Tatatertib yang pertama telah diadakan pada 6 September 2002 dan telah mengambil maklum mengenai pengisytiharan harta pegawai yang terlibat.

Sistem Saraan Malaysia

Sistem Saraan Malaysia telah dilaksanakan mulai 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002. Kakitangan telah diberi tempoh Opsyen selama sebulan mulai 1 Oktober 2002 hingga 31 Oktober 2002. Taklimat mengenai Sistem Saraan Malaysia telah diadakan pada 28 September 2002 kepada kakitangan KUIM. Semua kakitangan tetap KUIM seramai seratus enam puluh dua (162) orang telah memilih Sistem Saraan Malaysia.

Peperiksaan Perkhidmatan

Sebahagian daripada jawatan yang tersenarai dalam skim perkhidmatan telah mensyaratkan bahawa peperiksaan merupakan salah satu daripada syarat-syarat untuk pengesahan jawatan kakitangan. Sesi Ceramah Peperiksaan yang pertama telah diadakan pada 23-27 September 2002 yang lalu.

Cuti Belajar

Skim Cuti Belajar KUIM telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti 5/2000 dan mula dilaksanakan sepenuhnya pada 2001. Sehingga 2002 ini seramai 10 orang calon Universiti telah diluluskan Cuti Belajar yang mana 6 orang daripadanya memperolehi tajaan hadiah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) oleh Bahagian Latihan Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia. Jumlah calon yang melanjutkan pelajaran ke luar negara adalah seramai 3 orang, manakala selebihnya di dalam negara. Keutamaan bidang pengajian adalah kepada bidang-bidang yang dianggap signifikan dengan pengajian yang ditawarkan di KUIM, iaitu

Pinjaman Perumahan

Pihak Pengurusan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan (BPPP) melalui suratnya bil. PP.AM.900.1 Jld. 4(3) bertarikh 23 Ogos 2002 telah bersetuju memberi kemudahan pinjaman perumahan

bidang Dakwah Dan Pengurusan, Pengajian Quran Dan Sunnah, Kewangan Islam, serta Perundungan Islam. Merujuk tempoh pengajian bagi kesemua calon yang telah diluluskan Cuti Belajar, terdapat lebih kurang 6 orang calon yang akan menamatkan pengajian pada penghujung 2003, yang mana bidang-bidang yang telah diambil oleh calon-calon berkenaan akan diperkembangkan di Universiti sejarah dengan keperluan setiap Fakulti di Universiti ini.

Latihan

Latihan dalam pembangunan Sumber Manusia telah diadakan melalui aktiviti dalaman dan luaran. Pelbagai kursus dianjurkan sama ada dengan kerjasama bahagian-bahagian lain mahupun menghantar kakitangan KUIM berkursus luar. Ia bertujuan melahirkan tenaga kerja yang berdedikasi, cekap, mahir dan bertanggungjawab terhadap bidang tugas masing-masing. Sehubungan itu, penyelarasan dibuat untuk memastikan kakitangan yang dihantar berkursus adalah berdasarkan keperluan bidang tugas kakitangan tersebut khususnya dan keperluan jabatan atau bahagian umumnya. Cabaran yang dihadapi pada masa kini ialah melahirkan tenaga kerja yang celik

IT iaitu selaras dengan perkembangan teknologi masa kini dalam menempuh era globalisasi. Bagi mencapai matlamat tersebut, latihan telah diadakan dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat (IT) bagi semua kumpulan atau peringkat yang terdiri daripada kumpulan Pengurusan Tertinggi Universiti, Pengurusan Profesional dan Kakitangan Sokongan. Bagi mengatasi kekangan dari segi kekurangan kepakaran, kakitangan KUIM turut dihantar menghadiri kursuskursus luar yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Institut Tadbir Awam Negara (INTAN) dan sebagainya.

INTAN merupakan salah sebuah organisasi kerajaan yang mengendalikan beberapa kursus khusus bagi kakitangan kerajaan di seluruh Malaysia. Biasanya program yang dikendalikan dan pendedahan yang diberi adalah relevan dengan situasi kerja di mana-mana badan kerajaan dan wajar dipraktikkan. Sehubungan itu, bagi memantapkan organisasi KUIM, Bahagian Latihan telah menghantar 30 permohonan kakitangan KUIM pada sesi 2002 bagi memohon kursus yang berkaitan dengan bidang tugas masing-masing. Walau bagaimanapun seramai 10 orang sahaja yang berjaya dan terpilih mengikuti kursus anjuran badan ini.

JADUAL IX : Kursus Dalaman Anjuran Bahagian Sumber Manusia 2002.

Nama Kursus	Tempat dan Tarikh	Bilangan Peserta
Program Taaruf Warga Baru KUIM	KUIM, 17-19 April 2002	50 orang
Kursus Induksi Sokongan I	KUIM, 10-18 Jun 2002	26 orang
Kursus Pemandu Berhemah	KUIM, 29 Jun 2002	8 orang
Bengkel Penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja	Residence Hotel, UNITEN 4-5 Mei 2002	25 orang
Kursus Protokol dan Etiket Sosial	Dynasti Hotel, 13-14 Ogos 2002	31 orang
Kursus Induksi Sokongan II	KUIM, 26-30 Ogos 2002	16 orang
Kursus Komunikasi Organisasi	KUIM, 15-16 Oktober 2002	31 orang

JADUAL X : Kursus Anjuran Bersama 2002

Nama Kursus	Tempat dan Tarikh	Bilangan Peserta
Bengkel Penyediaan Pelan Induk Pembangunan ICT Kampus Tetap KUIM dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat	Corrus Paradise Resort Port Dickson 1-2 Februari 2002	15 orang
Bengkel Penyediaan Spesifikasi teknikal projek ICT Kampus Tetap dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat	Residence Hotel, UNITEN 13-15 September 2002	70 orang

JADUAL XI : Senarai Kursus/Latihan Perisian Yang Diadakan Dengan Kerjasama Unit Teknologi Maklumat.

Nama Kursus	Kumpulan Peserta	Tempat dan Tarikh	Bilangan Peserta
MS Outlook	Pengurusan Profesional	15 Febuari 2002 14 Mac 2002 16 Mei 2002	5 orang 20 orang 10 orang
	Sokongan	13 Mac 2002	15 orang
	Pengurusan Tertinggi	9 Mei 2002	9 orang
Word Arabic Word Style Window 2000 Pro	Tenaga Akademik	15 Mei 2002	7 orang
	Pembantu Tadbir	8 Mei 2002	16 orang
	Pembantu Tadbir	9 Mei 2002	13 orang
	Pengurusan Profesional	14 Mei 2002	10 orang
MS Excel	Pembantu Tadbir	22 Mei 2002	13 orang
Bengkel Laman Web	Tenaga Akademik	2-3 Mei 2002	8 orang
Bengkel Web (Lanjutan)	Tenaga Akademik	21-22 Oktober 2002	8 orang

JADUAL XII : Senarai Kursus Anjuran Luar Teknologi Maklumat (IT) 2002

Nama Kursus	Tempat dan Tarikh	Bilangan Peserta
Mastering Web Application Development Using MS	Info Trek. Sdn. Bhd., Petaling Jaya 11-14 Mac 2002	1 orang
Internet Basic Information Service: Effective Web Searching	Perpustakaan Hospital, HUKM 26-27 Mac 2002	1 orang
National Open Source Conference & Exhibition 2002	Mines Resort City 6-7 Ogos 2002	1 orang
Crystal Enterprise Reporting & Analysis Solution Seminar	JOS Distribution 24 September 2002	2 orang
Microsoft Faculty Summit	J.W Marriot Hotel, Kuala Lumpur 10 Oktober 2002	2 orang

JADUAL XIII : Kursus Anjuran INTAN Yang Dihadiri Kakitangan KUIM 2002.

Nama Kursus	Hari	Tempat dan Tarikh	Bilangan Peserta
Kursus Pengurusan Integriti	3	INTAN, Kiara 20-22 Mei 2002	1 orang
Kursus Asas Pengurusan Kewangan	5	INTAN, Kiara 22-26 Jun 2002	1 orang
Bengkel Penandaaran	3	INTAN, Kiara 24-26 Jun 2002	2 orang
Kursus Kepimpinan dan Penyeliaan	5	INTAN, Kiara 5-10 Ogos 2002	1 orang
Kursus Komunikasi Bahasa Melayu	5	INTAN, Kiara 2-6 September 2002	3 orang
Kursus Perkhidmatan Pelanggan Berkualiti	3	INTAN, Kiara 22-24 Oktober 2002	1 orang
Kursus Komunikasi Berkesan Bahasa Melayu (Penulisan)	5	INTAN, Kiara 7-11 Oktober 2002	1 orang

JADUAL XIV: Kursus Anjuran Luar Yang Dihadiri Kakitangan KUIM 2002.

Nama Kursus	Hari	Tempat dan Tarikh	Bilangan Peserta
Seminar Education Future Of Universities And Higher Education	1	Sheraton Subang Hotel And Towers 22 Januari 2002	1 orang
Pengurusan Berkesan Caruman KWSP	1	Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, Bangi 5 Februari 2002	1 orang
Kursus Penyuntingan Karya Management	1	UPSI, Tanjung Malim 14 Februari 2002	1 orang
Malaysia/Australia Seminar Of University Management	2	Magellan Sutera Hotel, Sabah 5-6 Mac 2002	6 orang
Persidangan CIO Sektor Awam 2002 Peringkat Kebangsaan-MAMPU	2	Hotel Hilton, Seremban 5-6 Mac 2002	10 orang
Bengkel Pembinaan Laman Web Menggunakan Micromedia Director	4	Pusat Siber, Perpustakaan K. Lumpur 11-14 Mac 2002	1 orang
Kursus Bina Negara	5	Kem Bina Negara, Langkawi 11-15 Mac 2002	1 orang
Kursus Internet Basic Information Service : Effective Web Searching	1	Perpustakaan Hospital, HUKM 26-27 Mac 2002	1 orang
Bengkel Pemantapan Profesionalisme Editor	3	Bayu Beach Resort, Port Dickson 26-28 April 2002	2 orang
Kursus Pembantu Perpustakaan	6	Maktab Kerjasama Malaysia, P. Jaya 8-13 April 2002	3 orang
Kursus Pengurusan Berkesan Caruman KWSP	1	Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, Bangi 11 April 2002	2 orang
Rekabentuk Pemasangan dan Senggara Telefon	3	Institut Latihan & Pembangunan Infrastruktur IKRAM 1-3 April 2002	1 orang
Cataloging Workshop	3	Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM 16-18 April 2002	1 orang
Program Minggu Setiausaha UKM 2002	3	Hotel Hilton, Seremban 19-21 April 2002	3 orang
Subjek Analysis : Subject Cataloging And Classification Workshop	3	Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM 6-8 Mei 2002	1 orang
Pengurusan Berkesan Caruman KWSP	1	Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, Bangi 16 Julai 2002	2 orang

JADUAL XIV : Kursus Anjuran Luar Yang Dihadiri Kakitangan KUIM 2002. (sambungan)

Nama Kursus	Hari	Tempat dan Tarikh	Bilangan Peserta
Seminar Transeksualiti	3	Century Mahkota Hotel, Melaka 23-25 Julai 2002	3 orang
Kursus Work And Career in The New Millennium	1	Hotel Sheraton, Subang Jaya 18 Julai 2002	3 orang
Seminar E-Management	3	Universiti Utara Malaysia 5-7 Ogos 2002	2 orang
National Open Source Conference & Exhibition 2002	2	Mines Resort City 6-7 Ogos 2002	1 orang
Seminar Keluarga dan Undang-Undang	1	Universiti Kebangsaan Malaysia 24 Ogos 2002	2 orang
Organisasi Keselamatan IPTA/IPTS Masa Hadapan	3	Universiti Kebangsaan Malaysia 25-27 Ogos 2002	2 orang
Seminar Hak Cipta Intelektual	1	Hotel Equatorial Bangi 2 Ogos 2002	1 orang
Khidmat Kaunter dan Pelanggan Berkualiti	2	Hotel Dynasty, Kuala Lumpur 9-10 Ogos 2002	1 orang
Advance Management Program For Top University Administrator	7	Awana Genting Resort 15-21 September 2002	4 orang
Turnkey / Design & Built Contract	2	Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur 30 September - 1 Oktober 2002	2 orang
Supply Chain Management For Construction Companies & Developers	1	Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur 7 Oktober 2002	1 orang
Kursus Pemandu Berhemah	3	Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 7-9 Oktober 2002	3 orang
Program Latihan Pembantu Perpustakaan	5	Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 14-18 Oktober 2002	2 orang
Seminar Kebangsaan Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia	3	Hotel Putri Pan Pacifik, Johor Bharu 21-23 Oktober 2002	1 orang
Perbincangan Perlaksanaan Peperiksaan dan Kursus Penilaian Tahap Kecekapan Sistem Saran Malaysia	2	Universiti Malaysia Sabah (UNIMAS) 21-22 Oktober 2002	3 orang
Program Praktikal Pembantu Perpustakaan	4	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia 21-24 Oktober 2002	2 orang

Bahagian Pentadbiran Am •



Kemudahan Am

KUIM menyediakan kemudahan rawatan perubatan di klinik-klinik panel untuk kakitangan dan juga pelajar. Tujuan perlantikan klinik panel ini adalah sebagai satu alternatif kepada kakitangan dan juga pelajar untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan lebih selesa dan cepat terutama bagi kes-kes kecemasan yang memerlukan rawatan segera. Sehingga tahun 2002, terdapat 23 buah klinik panel yang telah dilantik oleh KUIM untuk kemudahan rawatan kakitangan. Jumlah ini adalah kesinambungan daripada tahun 2001 yang telah diperbaharui perkhidmatan daripada tahun ke tahun.

Bagi kemudahan rawatan untuk pelajar pula, KUIM telah melantik 2 buah klinik panel bagi pelajar mendapatkan rawatan. Kedua-dua klinik panel ini terletak berhampiran dengan asrama dan pusat pembelajaran.

Perjalanan dan Penginapan

Mengambil kira kebijakan serta keselesaan kakitangan dan para pelajar, KUIM terus mengekalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan selama ini. Untuk tujuan perjalanan udara, enam agen tempahan tiket kapal terbang sedia ada diteruskan perkhidmatannya. Penempahan tiket penerbangan melalui agen-agen ini adalah dibuat mengikut giliran. Dengan adanya penggiliran agen ini diharap urusan penempahan tiket akan berjalan dengan lebih lancar.

Pengangkutan pelajar dari Asrama Sementara ke Kampus Sementara diuruskan syarikat yang dilantik di samping perkhidmatan dua buah bas KUIM untuk kemudahan pelajar-pelajar.

Kampus Sementara

Kolej Universiti Islam Malaysia telah berpindah secara keseluruhan ke Kampus Sementara di Pandan Indah pada penghujung bulan Januari 2002. Bahagian Pentadbiran ditempatkan di Tingkat 14 & 15 dan sebahagiannya di Tingkat 13, Menara A.

Bagi menampung pertambahan pelajar, pihak KUIM telah menyewa dua tingkat di Menara B iaitu tingkat 9 dan 10 bermula pada 4 April 2002 setelah kerja-kerja ubahsuai disiapkan. Hampir keseluruhan bilik-bilik yang disediakan di Menara B adalah untuk perkuliahan.

Di samping itu, pihak KUIM juga menyediakan sebuah Mahkamah Moot Fakulti Syariah dan Kehakiman di tingkat 10, Menara A untuk memenuhi keperluan



pembelajaran. Mahkamah Moot telah dirasmikan pada 24 Ogos 2002. Selain daripada itu, KUIM juga menyediakan sebuah Makmal Bahasa untuk tujuan pembelajaran.

Kerja-kerja Pengubahaian (Sesekat Dalam) bagi pembinaan bilik-bilik pensyarah di lot 6 dan lot 11 dari tingkat 10 hingga 12 dan bilik Penolong Bendahari lot 12 tingkat 12 (13A) di Menara 'A' telah siap dijalankan.

Untuk melengkapkan lagi ciri-ciri keselamatan bangunan KUIM, Mesyuarat Pengurusan Universiti telah meluluskan pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di Menara A. Begitu juga Pintu Kawalan Keselamatan telah dipasang di tingkat 15 (Jabatan Pendaftar) dan tingkat 14 (Jabatan Bendahari) bagi tujuan keselamatan dan mengelakkan orang yang tidak berkenaan bebas keluar masuk di bahagian tersebut. Kad 'access' pintu kawalan dibahagikan kepada dua iaitu 'access' 24 jam dan 'access' untuk masa yang ditetapkan.

Kampus Tetap

Kuala Lumpur International Airport Consultancy Services Sdn. Bhd. (KLIACS) telah dilantik sebagai perunding pengurusan projek bagi pembinaan kampus tetap KUIM melalui surat Kementerian Kewangan bertarikh 17 Oktober 2001. Projek pembinaan Kampus Tetap KUIM dilaksanakan secara tender terhad. KLIACS telah melantik beberapa perunding untuk menyediakan kerja-kerja konsep reka bentuk awalan dan seterusnya menyediakan dokumen tender.

Pada 14 Mac 2002, pihak kerajaan telah melantik sebuah konsortium iaitu Konsortium Negeri Builders (KNB) yang terdiri dari Syarikat Bumikonso Sdn. Bhd., Syarikat Capital Highway Sdn. Bhd. dan



Negeri Roadstone Sdn. Bhd. sebagai kontraktor utama untuk melaksanakan projek tersebut secara 'design and build' dan runding harga. Kerja-kerja pembangunan reka bentuk terperinci mula diambil alih oleh perunding-perunding di bawah kontraktor mulai pada 1 Jun 2002.

Tempoh pembinaan projek ini adalah kurang daripada dua tahun di mana KNB

telah memulakan kerja-kerja awalan mulai April 2002 setelah menerima surat niat dari KUIM bertarikh 19 Mac 2002.

Skop Projek Pembangunan Kampus Tetap KUIM bagi Fasa I yang dikemukakan oleh Pihak KUIM kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE) telahpun mendapat kelulusan. Bangunan-bangunan yang diluluskan adalah seperti *Jadual XV* berikut:

JADUAL XV

Bangunan Yang Telah Diluluskan	Luas Lantai (m.p)
Bangunan Pentadbiran	8,505.00
Tempat Meletak Kenderaan Besmen	4,024.00
Bangunan Perpustakaan	10,000.00
Bangunan Hal Ehwal Pelajar	3,712.00
Fakulti Dakwah & Pengurusan Islam	12,950.00
Fakulti Syariah & Kehakiman	12,661.00
4 Dewan Kuliah Pusat	2,772.00
Kediaman Felo	3,000.00
4 Rumah Pengetua	1,060.00
Rumah Kakitangan Penting – 40 Unit	4,740.00
4 Kolej Kediaman Untuk 4,000 pelajar	59,000.00
Dataran Selera	1,334.00
Pusat Komersil	3,811.00
Rumah Universiti	839.00
Kemudahan Pusat Kesihatan	1,420.00
Dewan Besar	11,243.00
Bangunan Utiliti	1,240.00
Kemudahan Sukan & Rekreasi	9,250.00

Beberapa jawatankuasa telah dibentuk di antaranya ialah:

- Jawatankuasa Petugas Pembangunan Kampus Tetap.
- Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Kampus Tetap.
- Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan Pembangunan Kampus Tetap yang dipengerusikan oleh Timbalan Rektor (HEP) dan Pembangunan dan ahli-ahlinya ialah Pendaftar, Bendahari, Pengarah Unit Pembangunan (Urusetia), Pengarah Teknologi Maklumat dan KLIACS. Fungsi Jawatankuasa ini ialah untuk menyemak skop kerja dan penilaian harga tender yang dikemukakan oleh KNB sebelum dibawa ke Mesyuarat Runding Harga.
- Jawatankuasa Runding Harga Pembangunan Kampus Tetap yang dipengerusikan oleh Dato' Rektor dan ahli-ahlinya ialah Timbalan Rektor (HEP) dan Pembangunan, Pendaftar, Bendahari, Pengarah Unit Pembangunan (Urusetia), Wakil Unit Perancang Ekonomi, Wakil Jabatan Pendidikan Tinggi dan KLIACS. Fungsi jawatankuasa ini adalah untuk merundingkan harga pakej bersama dengan kontraktor.
- Jawatankuasa Perolehan Pembangunan Kampus Tetap yang dipengerusikan oleh Dato' Rektor dan ahli-ahlinya ialah Pendaftar, Bendahari, Dekan Fakulti Ekonomi Muamalat, Wakil Jabatan Pendidikan Tinggi dan Wakil Kementerian Kewangan, Bahagian

Perolehan. Fungsi jawatankuasa ini ialah untuk memperakarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Runding Harga untuk dikemukakan ke Bahagian Perolehan Kementerian Kewangan untuk kelulusan muktamad harga tender.

Projek Pembangunan Kampus Tetap KUIM telah dibahagikan kepada beberapa pakej. Di antaranya ialah;

Pakej 1A

Merangkumi kerja awalan dan kerja tanah.

Pakej 3 (Zon 2)

Terdiri daripada Fakulti Dakwah & Pengurusan Islam, Fakulti Syariah & Kehakiman, Dewan Kuliah Pusat, Pusat Komersil, Rumah Universiti, Dataran Selera dan 'Central Utility Building'.

Pakej 4 (Zon 3)

Terdiri daripada Kolej Kediaman Pelajar, Rumah Pengetua, Dewan Besar, Kompleks Sukan, Rumah Kakitangan, Kompleks Pembangunan, Stor Pusat dan lain-lain.

Kemajuan Kerja Pembinaan

Pakej kerja tanah dan kerja awalan telah dimulakan pada 1 April 2002 oleh kontraktor (KNB) yang dilantik. Sehingga 4 November 2002 kemajuan fizikal sebenar adalah 92.5% berbanding kemajuan fizikal mengikut jadual sebanyak 93.5%. Kelewatan sebanyak 1% (3 hari) adalah disebabkan penemuan lapisan keras di beberapa lokasi platform tapak bangunan, di antaranya di bangunan pentadbiran, perpustakaan, Fakulti Syariah dan Kehakiman serta beberapa blok kolej kediaman pelajar.

Kemajuan keseluruhan Projek Pembangunan Kampus Tetap KUIM yang melibatkan kerja tanah, kerja awalan, infrastruktur dan pembinaan bangunan-bangunan sehingga 4 November 2002. Kemajuan keseluruhan sebenar 21.4% berbanding kemajuan keseluruhan dalam jadual 25.7% iaitu kelewatan sebanyak 4.3% (31 hari). Kelewatan ini berpunca daripada kelewatan kerja pembinaan bangunan-bangunan dalam semua zon.

Kerja cerucuk untuk asas bangunan telah dimulakan di beberapa lokasi diantaranya Dewan Kuliah Pusat, Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam, Kompleks Sukan dan Rekreasi serta Bangunan Perpustakaan. Namun begitu bagi sesetengah tapak bangunan kerja pembinaan asas bangunan terpaksa dilewatkhan atas sebab penemuan *hard material*. Bagi mengatasi masalah ini pihak KNB telah mengambil langkah pemulihan dengan cara membuat letupan terkawal. Di samping itu penambahan tenaga kerja dan jentera telah diambil kira untuk mempercepatkan proses pembinaan. (lampiran gambar kemajuan projek)

Pakej 1B

Kerja infrastruktur yang terdiri daripada pembinaan jalan, perparitan, bekalan air, bekalan elektrik, hawa dingin berpusat, sistem telefon, infra ICT, sistem rawatan kumbahan dan pembentungan.

Pakej 2 (Zon 1)

Terdiri daripada bangunan pentadbiran, bangunan hal ehwal pelajar, pusat kesihatan pelajar, bangunan perpustakaan dan pusat Islam.

Majlis Doa Selamat

Majlis Bacaan Doa Selamat dan Tahlil telah diadakan di Tapak Kampus Tetap di Bandar Baru Nilai pada 1 Mac 2002 (Jumaat) jam 10.00 pagi. Dihadiri oleh Pengurus Lembaga Pengarah Universiti, YBhg Tan Sri Dr Mohamed Yusof Mohd Noor, Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin, semua Pegawai Kanan KUIM dan kakitangan KUIM daripada pelbagai peringkat seramai 70 orang. Majlis ini turut dihadiri oleh wakil dari Majlis Perbandaran Nilai dan juga wakil dari Perunding Pengurus Projek KLIACS Sdn. Bhd.

Majlis Upacara Pecah Tanah

Majlis Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap Kolej Universiti Islam Malaysia telah diadakan pada 22 Ogos 2002 (Khamis) bertempat di tapak Kampus Tetap KUIM di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Majlis ini dirasmikan oleh YAB Dato Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Secara umumnya Upacara Pecah Tanah KUIM ini berjalan lancar sebagaimana yang dirancangkan. Upacara pecah tanah ini mendapat kerjasama daripada pihak KLIACS dan KNB dan juga Kerajaan Negeri Sembilan terutamanya dalam menyediakan kemudahan fizikal. Di antara Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Sembilan yang terlibat memberikan kerjasama dalam menjayakan majlis ini ialah:

- Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan (UPEN).
- Majlis Perbandaran Nilai (sebagai penyelaras jawatankuasa peringkat negeri)



- Majlis Perbandaran Seremban.
- Majlis Perbandaran Port Dickson.
- Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan.
- Jabatan Penerangan Negeri Sembilan.
- Pejabat Daerah Seremban.
- Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan.
- TNB Negeri Sembilan.
- Jabatan Bomba & Penyelamat.
- BBN Development Sdn. Bhd.
- Polis Di Raja Malaysia



Unit Teknologi Maklumat •

Perancangan ICT Kampus Tetap

Selari dengan perancangan pembangunan Kampus Tetap KUIM, Universiti telah mengambil tindakan untuk menyediakan Pelan Induk ICT Kampus Tetap dengan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyediaan Pelan Induk ICT Kampus Tetap KUIM.

Kertas cadangan jawatankuasa ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 24 Julai 2002 dengan anggaran kos sebanyak RM70 juta. Universiti juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyelaras Projek ICT Kampus Tetap KUIM.

Permohonan rasmi telah dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan MAMPU untuk kelulusan projek berkenaan dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT MAMPU pada 21 November 2002.

Selaras dengan usaha untuk memantapkan pengurusan perkhidmatan ICT, beberapa jawatankuasa baru telah ditubuhkan sepanjang tahun 2002. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ialah:

- Jawatankuasa Teknikal ICT
- Jawatankuasa Keselamatan ICT
- Jawatankuasa e-Pembelajaran KUIM

Makmal Bahasa

Sebuah makmal bahasa dengan kapasiti 30 unit komputer telah dibuka untuk tujuan pengajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab dengan kos RM220,000. Makmal ini dilengkapkan dengan alat LCD Projektor, Server dan perisian pengurusan makmal

Imperata 4.2 untuk memudahkan proses pengajaran dalam makmal.

Makmal Komputer

Kini Universiti telah mempunyai 2 buah makmal komputer untuk kegunaan pengajaran. Kapasiti makmal komputer telah ditambah daripada hanya 50 unit komputer menjadi 100 unit komputer. Nisbah komputer: pelajar menjadi 1:10 dengan adanya 130 unit komputer untuk kegunaan pelajar.



Alat Pengajaran

Universiti juga telah membeli 4 buah notebook, 4 buah Document Visualiser dan 6 LCD projektor untuk kegunaan pensyarah dalam bilik kuliah. Dengan adanya alat ini pensyarah telah mula menggunakan teknologi AV dan ICT dalam membantu meningkatkan kualiti pengajaran mereka.

Perkakasan

Sepanjang tahun 2002, terdapat sejumlah 117 unit komputer, 3 Notebook baru, 40 unit Pencetak Laser, 10 pencetak warna inkjet, 6 pengimbas warna dan 1 pencetak warna Laser telah diperolehi untuk kegunaan pentadbiran dan pensyarah.

Teknologi Wireless juga telah diperkenalkan dengan perolehan Wireless LAN untuk kegunaan notebook semasa bengkel dijalankan.

Pembangunan Sistem

Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (SMPP)

Mula digunakan pada tahun 2001 dengan beberapa modul asas yang diperlukan dalam menyokong keperluan Bahagian Akademik. Beberapa tambahan modul telah dibangunkan oleh kakitangan Unit IT iaitu:

- Modul Pengurusan (untuk tujuan penggunaan pihak Pengurusan Tertinggi)
- Modul Pusat Pengajian Siswazah (untuk tujuan pentadbiran Pusat Pengajian Siswazah)
- Penggunaan Borang OMR KUIM BA-201 telah diperkenalkan semasa Pendaftaran Diri Pelajar Baru bagi memudahkan proses perolehan butir diri pelajar seperti maklumat waris, kesihatan dan kegiatan pelajar.

Sistem Maklumat Pengurusan Staf

Sistem IRIS (*Integrated Recruitment Information System*) telah dibangunkan bagi menggantikan sistem SEMAT bagi tujuan proses pengambilan. Borang OMR KUIM BSM-601 juga telah diperkenalkan dan digunakan untuk memudahkan perolehan data pemohon. Melalui sistem IRIS dan kaedah kriteria senarai pendek calon telah mempercepatkan proses penyediaan laporan daripada 3 bulan kepada 3 minggu sahaja.

SISPEN versi 4.1 telah gunakan mulai November 2002 bagi disesuaikan dengan Perlaksanaan Sistem Saran Malaysia yang dapat membekalkan Jadual Gaji baru.

Sistem Kewangan Universiti

Dalam tahun 2002, UBS masih digunakan sebagai perisian Sistem Kewangan Universiti. Peningkatan UBS Versi 8.3a telah dijalankan selari dengan pertambahan bilangan pengguna UBS kepada 15 orang.

Usaha telah dijalankan untuk mengintegrasikan Modul Akaun Pelajar SMPP dan UBS bagi membolehkan caj yuran dikemas kini terus ke UBS. Maklumat itu juga akan disalurkan terus ke SMPP.

Modul UBS Stock Control telah diguna pakai untuk merekodkan aset KUIM. Penggunaan ini disesuaikan dengan prosedur kerja pengurusan aset KUIM yang melibatkan rekod perabot dan alat pejabat.

KUIM telah menggunakan perkhidmatan E-banker Bank Islam mulai Oktober 2002. Dengan perkhidmatan ini fail pembayaran gaji dari UBS untuk dikemas kini terus ke akaun penerima secara atas talian.

'e-Jurnal KUIM Library' ini memudahkan pengguna mengakses setiap artikel yang terdapat dalam pangkalan data melalui pelayar internet.

Sistem Perpustakaan

Sistem yang dibangunkan Unit IT bagi kegunaan oleh pihak perpustakaan untuk pembelian pelbagai koleksi perpustakaan adalah Sistem Perolehan. Penambah baikan Sistem Perolehan ini sentiasa dilakukan dari masa ke semasa berdasarkan permintaan daripada pihak perpustakaan.

Sistem lain yang sedang dibangunkan dan masih dalam proses percubaan adalah Sistem Pinjaman. Sistem ini bertujuan menggantikan sistem pinjaman buku secara manual seperti yang digunakan sekarang.

Pembangunan pangkalan data dalaman untuk artikel-artikel jurnal yang dilanggan oleh perpustakaan sedang dibangunkan. Sistem yang dinamakan

Perkhidmatan Pengguna

Sepanjang tahun 2002, Unit IT mengurus tempahan penggunaan alat bantuan mengajar seperti notebook, LCD projector dan CCD Visualiser daripada pensyarah dan pentadbiran untuk pelbagai tujuan pengajaran, mesyuarat, latihan serta beberapa aktiviti atau program rasmi Universiti.

Perkhidmatan makmal komputer dibuka setiap hari bekerja kepada pelajar. Pelajar boleh membuat tempahan pada hari cuti berdasarkan bilangan pengguna minimum yang ditetapkan. Bermula dari tahun ini, tujuan penggunaan makmal komputer dibahagikan kepada dua iaitu untuk penyediaan dokumen dan pengaksesan internet.



Perkhidmatan Multimedia

Beberapa perkhidmatan multimedia seperti slaid akademik dan gimik pelancaran bagi sesuatu majlis rasmi turut disediakan, antaranya:

- Taklimat kepada KSU Kementerian Pendidikan
- Taklimat kepada Menteri Pendidikan
- Slaid Program Akademik KUIM
- Taklimat kepada Menteri Besar Negeri Sembilan
- Gimik Pelancaran Buku Panduan Staf dan Manual Prosedur Kerja
- Gimik Pelancaran Tabung Afghanistan
- Perasmian Persidangan Antarabangsa KUIM
- Perasmian Projek ICT 2002 dan Perkhidmatan Makmal KUIM
- Tayangan Album KUIM Sempena Majlis Pecah Tanah
- Taklimat Pengiktirafan Ijazah KUIM

Laman Web Rasmi Universiti

Laman Web rasmi KUIM (www.kuim.edu.my) berwajah baru mulai 9 September 2002. Penukaran imej ini bagi memudahkan pelawat laman web tersebut mendapatkan maklumat.

Projek Kemahiran ICT 2002

Projek ini dilaksanakan selama dua semester yang diwajibkan kepada semua pelajar tahun akhir. Tujuan projek ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kemahiran ICT kepada bakal graduan KUIM. Pelajar diberi pilihan untuk memilih salah satu daripada dua modul yang ditawarkan iaitu Kemahiran Automasi Pejabat dan Kemahiran Laman Web & Multimedia.



Perpustakaan •



Sepanjang tahun 2002, Perpustakaan KUIM berusaha mengukuhkan koleksi dan meningkatkan lagi perkhidmatannya. Kursus-kursus baru yang ditawarkan dalam tahun 2002 memberi cabaran kepada kakitangan Perpustakaan KUIM dalam memberi perkhidmatan maklumat yang berkualiti.

Perolehan Bahan Perpustakaan

Pengukuhan koleksi perpustakaan dibuat dengan menambah pembelian bahan-bahan yang berkaitan dengan bidang-bidang yang ditawarkan di KUIM. Sebanyak 5810 judul buku telah dibeli pada tahun 2002 melibatkan kos sebanyak RM633,431.97. Bahan-bahan yang dibeli terdiri dari pelbagai format seperti buku CD-ROM, Pita Video, Pita Kaset dan juga Kit.

Bahan-bahan perpustakaan juga diterima melalui sumbangan dan hadiah daripada pelbagai pihak. Sepanjang tahun 2002, perpustakaan KUIM telah menerima sebanyak 379 judul bahan.

Pengkatalogan Bahan Perpustakaan

Pemprosesan data bibliografi, pengelasan dan pengkatalogan bahan perpustakaan bagi tahun 2002 telah ditingkatkan dengan bantuan kakitangan sambilan. Sebanyak 2160 judul bahan telah dikatalog sepanjang tahun 2002, menjadikan jumlah keseluruhan bahan yang telah dikatalog adalah sebanyak 5464 judul dan 10,014 naskah.

Data katalog Perpustakaan disimpan dalam bentuk digital *Machine Readable Catalog* (MARC) menggunakan Sistem Pengkatalogan OCLC (*Online Computer Library Centre*) bagi tujuan perolehan data apabila Perpustakaan memperolehi Sistem Automasi kelak.



Bahan Terbitan Bersiri

Unit Bahan Terbitan Bersiri telah mengendalikan langganan dan penerimaan bahan-bahan terbitan bersiri seperti suratkhabar, majalah dan jurnal. Sepanjang tahun 2002, sebanyak 135 judul bahan telah dilanggan. Unit ini juga telah menguruskan penjilidan bahan-bahan terbitan bersiri kebelakangan, manakala bagi Koleksi Suratkhabar, ia hanya akan disimpan selama 1 tahun.

Perkhidmatan Perpustakaan

Mulai September 2002, Perpustakaan KUIM melanjutkan masa perkhidmataan sehingga jam 10.00 malam. Masa perkhidmatan Perpustakaan yang panjang memberi peluang kepada para pengguna memanfaatkan Perpustakaan semaksimum yang mungkin.

Dengan kapasiti Perpustakaan yang boleh menampung seramai 200 orang, Perpustakaan menerima kunjungan seramai 64,857 orang pengguna sepanjang tahun 2002. Manakala jumlah pinjaman bahan Perpustakaan adalah sebanyak 10,877 judul bahan. Statistik lengkap perkhidmatan Perpustakaan adalah seperti *Jadual XVI* berikut:

JADUAL XVI

Pengguna Masuk	Pinjaman	Pemulangan	Bahan Perbincangan	Tempahan Internet	PAP*
64857	10877	8710	62	1570	34

* Pinjaman Antara Perpustakaan.

Perpustakaan juga telah mengadakan beberapa siri Program Pendidikan Pengguna yang disusun mengikut topik-topik seperti *ProQuest*, *Ebscohost*, *NSTP e-Media*, Pencarian Maklumat Dalam Internet dan *Online Public Access Catalog* (OPAC). Di samping itu, kemudahan Mesin Fotostat dan Penyewaan Laci Berkunci turut disediakan.

Jenis Koleksi dan Kelayakan Pinjaman


Bagi memudahkan pengguna Perpustakaan mengakses maklumat, koleksi perpustakaan dibagi kepada beberapa jenis koleksi yang

terdiri daripada Koleksi Am, Koleksi Rujukan, Koleksi Kamus, Koleksi Buku Bertanda Merah, Koleksi Bahan Terbitan Bersiri, Koleksi Undang-Undang, Koleksi Multimedia, Koleksi Laporan Tahunan, Prospektus dan Buku Panduan; dan Koleksi Malaysiana.

Bagi tahun 2002, keahlian Perpustakaan adalah terbuka kepada kakitangan dan pelajar KUIM sahaja. Namun Perpustakaan akan mula membuka keahliannya kepada orang luar mulai Januari 2003, di samping menerima kedatangan para pelajar universiti lain untuk membuat rujukan.



Perhubungan Awam •



Karnival Pendidikan MARA 2002

KUIM telah menyertai Karnival Pendidikan MARA 2002 di empat lokasi di Semenanjung Malaysia iaitu bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 15 hingga 17 Mac, di Pejabat MARA Negeri Kelantan di Kota Bharu pada 1 hingga 2 April, di Plaza Angsana Pusat Bandar Tampoi, Johor Bahru pada 13 hingga 14 April, dan di KOMTAR Pulau Pinang pada 29 hingga 30 April.

Minggu Pendidikan Tinggi Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan

Kolej Universiti Islam Malaysia juga telah menyertai Minggu Pendidikan Tinggi Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan, Kuala Pilah Negeri Sembilan. Pameran yang diadakan pada 17 April 2002 itu telah disertai oleh wakil dari kesemua IPTA dan beberapa IPTS. Objektif penganjurannya antara lain ialah untuk memberi pendedahan luas



kepada para pelajar di Pusat Matrikulasi berkenaan dan juga kepada para pelajar sekitarnya tentang peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Lawatan Penasihat Agama Kepada YAB Perdana Menteri ke KUIM

Pada 25 Jun 2002, KUIM dengan berbesar hati telah menerima lawatan daripada YBhg Tan Sri Dato' Dr Abdul Hamid Othman, Penasihat Agama kepada YAB Perdana Menteri. Pada lawatan tersebut telah diadakan satu Majlis Ramah Mesra dan sesi berdialog di antara beliau bersama pengurusan tertinggi, pegawai-pegawai, dekan-dekan dan pensyarah-pensyarah Universiti. Tujuan lawatan tersebut diadakan adalah untuk merapatkan hubungan kerjasama antara Jabatan Perdana Menteri dengan KUIM.

Lawatan Al-Maktoum Institut, University Of Abertay Dundee, Scotland

24 Julai 2002, lawatan rasmi daripada Al-Maktoum Institute For Arabic and Islamic Studies, University of Abertay Dundee, Scotland ke kampus sementara KUIM telah berlangsung dalam suasana muhibbah.

Pihak Al-Maktoum Institute telah diwakili oleh Naib Canselornya Prof Al-Fattah El-Awaisi bersama wakil pelajar institusi tersebut. Tujuan lawatan antara lain adalah untuk memberi penerangan jelas mengenai peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi oleh para graduan Malaysia di Scotland. Selain itu, Prof Al-Fattah El-Awaisi juga menyatakan minatnya untuk menerokai peluang kerjasama akademik yang melibatkan IPTA-IPTA di Malaysia bersama University of Abertay Dundee, Scotland.

Sepanjang lawatan ke KUIM, beliau turut diberi taklimat oleh Prof Dr Mohammad Hj Alias, Timbalan Rektor HEP & Pembangunan KUIM mengenai Pembangunan Kampus Tetap KUIM di Nilai, Negeri Sembilan. Lawatan beliau yang pertama kali ke Malaysia ini turut melibatkan lawatan ke beberapa IPTA lain seperti UiTM dan UKM.



Pameran Karier dan Pendidikan Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 2002

Pada 27-30 Ogos 2002, KUIM telah menyertai Pameran Karier dan Pendidikan Undang- Undang UIAM 2002 bertempat di Kampus UIAM, Gombak Selangor. Pameran yang dianjurkan oleh Kuliyyah Undang-Undang UIAM ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan tentang peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dan peluang-peluang pekerjaan khususnya

kepada lepasan penuntut Undang-Undang UIA. Pameran ini telah disertai oleh beberapa wakil dari IPTA tempatan dan wakil-wakil dari pihak korporat seperti DRB-HICOM, Proton dan sebagainya.

Penyertaan YBhg Dato' Rektor & Timbalan Rektor HEP dan Pembangunan ke Persidangan di Australia

Pada 7-9 Oktober 2002, satu persidangan anjuran *University Mobility In Asia And The Pacific* (UMAP) telah diadakan bertempat di *University House The Australian National University, Canberra Australia*. Pihak Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang diwakili oleh Rektor, YBhg Prof Dato' Dr Abd Shukor Hj Husin dan Timbalan Rektor HEP dan Pembangunan, Prof Dr Mohammad Haji Alias telah menyertai persidangan dua hari tersebut yang bertajuk "Universities In Times of Global

Uncertainty". Persidangan tersebut juga telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada universiti dari seluruh dunia.

Kunjungan Pegawai Kedutaan dan Qari Tilawah Al-Quran dari Iran

Pada 30 Oktober 2002, KUIM telah menerima kunjungan dari Kedutaan Iran yang diwakili oleh Pegawainya En. Nasser Kamali bersama-sama En. Enayati Moghadam, Qari yang telah menyertai Tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa dan En. Sotoudehnia, pengiring kepada Qari tersebut. Tujuan lawatan tersebut antara lain adalah untuk melihat perkembangan dan kemajuan yang telah dilaksanakan KUIM sebagai sebuah Universiti yang bercirikan keislaman dan program-program pengajian yang ditawarkannya.



Pentadbiran Fakulti

Pengenalan

Bahagian Pentadbiran Fakulti telah diwujudkan pada 1 Februari 2001 bagi membantu pihak pengurusan Universiti menguruskan pihak dekan dalam urusan pentadbiran fakulti di tiga buah fakulti yang awal ditubuhkan di KUIM iaitu Fakulti Syariah dan Kehakiman (FSK), Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam. (FDPI) Tahun 2002 menyaksikan sebuah lagi fakulti ditubuhkan di KUIM iaitu Fakulti Ekonomi dan Muamalat. (FEM) Manakala daripada segi pentadbirannya pula dua orang penolong pendaftar bertanggungjawab pada dua buah fakulti. Dijangkakan pada tahun 2003, seorang penolong pendaftar akan ditempatkan di setiap fakulti. Selain itu juga, Bahagian Pentadbiran Fakulti turut membantu pengurusan Unit Bahasa Inggeris dan Arab, Unit Pengajian Umum, Latihan Amali dan juga menjadi Jawatankuasa Persidangan dan Penyelidikan Peringkat fakulti.

Aktiviti Pembangunan Kakitangan Akademik

Sebagai usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan akademik KUIM, Bahagian Pentadbiran Fakulti telah bekerjasama dengan beberapa bahagian di KUIM seperti Bahagian Akademik, Unit Penerbitan Perpustakaan dan juga Unit Teknologi Maklumat, Bahagian Sumber manusia dan juga Bahagian Latihan untuk menganjurkan beberapa bengkel pembangunan akademik.

Antara bengkel yang dijalankan ialah seperti:

- **Bengkel Pengenalan SPSS Untuk Penyelidik (12 Mac 2002)**

Jawatankuasa Persidangan dan Penyelidikan Peringkat Fakulti dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat dan Bahagian Sumber Manusia akan menganjurkan Bengkel Pengenalan SPSS Untuk Penyelidik pada 12 Mac 2002 (Selasa). Bengkel ini adalah kesinambungan daripada beberapa siri bengkel berkaitan penyelidikan yang telah diadakan sebelum ini seperti Bengkel Pembentangan Proposal Penyelidikan di Ayer Keroh, Melaka. Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk meningkatkan keupayaan penyelidik KUIM dalam menjalankan penyelidikan melalui bantuan analisis statistik berkomputer. Dr Mohd Yusuf Hussain dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) membantu sebagai fasilitator bengkel.

- **Bengkel Pedagogi KUIM Siri I (7-9 Mei 2002)**

Bengkel akademik yang buat julung-julung kalinya dianjurkan oleh Bahagian Pentadbiran Fakulti & Bahagian Sumber telah diadakan di Hotel Rivera Bay Resort, Melaka melibatkan seramai 30 orang kakitangan akademik. Objektif bengkel adalah untuk memberikan pendedahan kepada kakitangan akademik tentang pelbagai aspek dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara isu yang dibincangkan ialah tentang psikologi dalam pengajaran; teknologi pengajaran; kaedah mengubal soalan dan juga forum bersama

Timbalan Rektor Akademik, Bengkel seperti ini akan diadakan lagi secara berterusan bagi membantu memberikan input-input yang bersesuaian untuk melahirkan tenaga akademik yang mampu bersaing dalam arus pendidikan negara pada hari ini.

- **Bengkel Pembinaan Kurikulum Unit Bahasa Arab (15-16 Mei 2002)**

Bengkel anjuran Unit Bahasa Arab ini telah diadakan dengan tujuan untuk menyediakan sebuah modul khusus bagi memantapkan lagi modul pengajaran oleh Unit Bahasa Arab. Melalui usaha ini, kakitangan Unit Bahasa Arab telah bersama-sama menyumbang memberikan idea dan buah fikiran bagi menyediakan kurikulum yang dapat disesuaikan pada tahap pengajaran di KUIM. Hasil daripada bengkel ini telah membolehkan Unit Bahasa Arab mempunyai modul pengajaran yang lebih berkesan dan bengkel susulan akan diadakan pada penghujung tahun ini bagi melihat hasil daripada penggunaan modul yang baru dibina tersebut.

- **Bengkel Pemantapan Kurikulum FPQS (21-22 Oktober 2002)**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) telah mengadakan Bengkel Pemantapan Kurikulum pada 21 hingga 22hb Oktober 2002 di Port Dickson bertujuan untuk melihat kembali keperluan-keperluan yang perlu ada bagi memperkemaskan kurikulum pengajaran FPQS setelah hampir tiga tahun berjalan. Objektif umum bengkel ini adalah bagi memberikan FPQS

melihat semula kandungan kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelajar. Manakala daripada segi spesifiknya, bengkel ini adalah bertujuan untuk mendapatkan input-input untuk meningkatkan kualiti kurikulum yang disediakan daripada pakar-pakar dalam bidang yang berkenaan. Keduanya, bengkel ini mempunyai objektif untuk mendapatkan maklumat bagi menyediakan garis panduan dalam memastikan standard program yang ditawarkan memenuhi keperluan pasaran kerja. Selain itu, objektif bengkel ialah untuk mengenal pasti keperluan-keperluan utama bagi memulakan kursus-kursus baru jika perlu di FPQS. Semua kakitangan akademik FPQS terlibat dalam bengkel ini. Penceramah jemputan ialah Prof Madya Dr Tajul Arifin Nordin, dari Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Aktiviti Pembangunan Akademik Pelajar

Bahagian Pentadbiran Fakulti menyedari bahawa pelajar merupakan aset penting kepada Universiti. Sehubungan itu, bagi membantu meningkatkan kualiti para pelajar KUIM, beberapa aktiviti pembangunan akademik telah diadakan dengan kerjasama beberapa pihak sama ada dari dalam Universiti mahupun di luar Universiti. Antara program yang telah diadakan ialah seperti:

- **Bengkel Pendedahan Latihan Amali Kumpulan I KUIM**

Bagi membolehkan para pelajar ini dianugerahkan ijazah dengan kepujian, pihak Universiti telah mewajibkan para pelajar untuk mengikuti latihan amali/industri (KU3012) sebagai sebahagian daripada keperluan kursus universiti. Justeru, bagi memberikan maklumat yang diperlukan kepada para pelajar yang bakal menjalani latihan amali ini maka Bahagian Pentadbiran Fakulti telah menganjurkan Bengkel Pendedahan Latihan Amali untuk pelajar-pelajar tahun dua sesi akademik 2001/2002 KUIM pada 4-5 Mac 2002 (Isnin & Selasa) bertempat di Auditorium, MPAJ, Pandan Indah. Usaha dan inisiatif mengadakan Bengkel Pendedahan Latihan Amali buat pertama kalinya ini adalah satu langkah awal bagi pihak KUIM menghasilkan graduan yang mampu memberikan khidmat pada organisasi, masyarakat dan juga negara.

- **Kursus Intensif Bahasa Tambahan (April-Mei)**

Kursus Intensif Bahasa Tambahan diadakan dengan tujuan untuk memberikan penekanan kepada kemampuan para pelajar menguasai bahasa Arab dan Inggeris mengikut bidang yang mereka pelajari di KUIM. Sehubungan itu, semua modul yang digunakan adalah mengikut keperluan fakulti masing-masing hasil daripada perbincangan antara Unit Bahasa dan juga Dekan Fakulti. Kursus ini diadakan dalam dua fasa iaitu Fasa I untuk pelajar Fakulti Syariah dan Kehakiman

yang diadakan dari 6-7 Mac 2002. Manakala Fasa 2 pula melibatkan para pelajar Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam (FDPI) dan juga Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) yang diadakan dari 29 April hingga 1 Mei 2002.

- **Kursus Intensif Bahasa Inggeris Pelajar Tahun I (22-24 Mei 2002)**

Kursus Intensif Bahasa Inggeris untuk pelajar tahun I merupakan program intensif bahasa khusus bagi pelajar baru KUIM dan diadakan secara tahunan oleh Unit Bahasa Inggeris dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran Fakulti. Melalui kursus ini para pelajar dikehendaki mengikuti kursus selama 30 jam dan diberikan pendedahan dalam pelbagai modul berkaitan dengan pengukuhan bahasa Inggeris meliputi aspek penulisan, perbualan dan juga akademik. Usaha awal ini telah dapat memberikan keyakinan kepada para pelajar tahun I untuk terus mengikuti pengajian di KUIM dengan selesa. Selain kursus ini para pelajar akan turut mengikuti beberapa lagi kursus bahasa tambahan yang dijalankan dari masa ke semasa.

- **Taklimat Pelajar Tahun I & Penyampaian Anugerah Dekan Sesi 2001/2002**

Pihak Fakulti-fakulti telah mengadakan Taklimat Pelajar tahun I dan Majlis Penyampaian Anugerah Dekan peringkat fakulti. Program oleh Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam (FDPI) telah diadakan pada 31hb Mei 2002; Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

(FPQS) dan Fakulti Ekonomi dan Muamalat pada 22hb Jun 2002 manakala Fakulti Syariah dan Kehakiman (FSK) pada 29 Jun 2002.

- **Seminar Pengenalan Undang-undang (22 Jun 2002)**

Fakulti Syariah dan Kehakiman (FSK) telah menganjurkan Seminar Pengenalan Undang-undang khusus untuk pelajar tahun 2 dan 3 fakulti tersebut. Objektif seminar adalah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang pelbagai aspek berkaitan dengan undang-undang seperti peluang kerjaya, teknik belajar yang berkesan dalam bidang undang-undang dan sebagainya. Seminar ini telah berjaya memberikan pelajar FSK tentang maklumat-maklumat berkaitan dengan pembangunan akademik dan kerjaya dalam bidang undang-undang.

- **Bengkel Pengukuhan Akademik Siri 2 (3-4 Ogos 2002)**

Bengkel Pengukuhan Akademik Siri 2 diadakan adalah lanjutan daripada usaha program ini yang diadakan buat kali pertama di Pusat Latihan Dusun Eco-Resort, Karak telah berjaya membawa hasil yang memberangsangkan kerana mutu pencapaian para peserta bengkel pada keseluruhannya mele过asi PNGS 2.50 dan ada yang mencapai PNGS 3.0 ke atas pada peperiksaan berikutnya. Sehubungan itu Bengkel kali ke 2 yang dianjurkan telah dimantapkan lagi dengan beberapa program tambahan dan melibatkan jumlah pelajar yang lebih besar iaitu seramai 161 orang daripada Fakulti Syariah dan Kehakiman (FSK); Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS); dan Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam (FDPI). Walaupun bengkel kali ini diadakan di bilik kuliah fakulti namun para peserta menunjukkan kesungguhan untuk memperbaiki keputusan peperiksaan mereka. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Rektor Akademik KUIM. Beberapa orang kakitangan akademik daripada semua fakulti terlibat sebagai fasilitator bengkel ini.

- **Bengkel Penulisan Projek Ilmiah Tahun Kepujian (6 September 2002)**

Bahagian Pentadbiran Fakulti telah menganjurkan Bengkel Penulisan Projek Ilmiah khusus untuk pelajar tahun kepujian KUIM. Objektif program adalah bagi memberikan maklumat mengenai garis panduan penulisan



Anugerah Dekan

ilmiah yang merupakan sebahagian daripada komponen kursus wajib bagi penyempurnaan ijazah pertama di KUIM. Taklimat telah disampaikan oleh Prof Dr Muhammad Muda dan Prof Dr Mohamed Asin Dollah.

- **Pertandingan Menghafaz Al-Quran (29-31 Oktober 2002)**

Pertandingan ini dianjurkan oleh FPQS dengan tujuan untuk menggalakkan aktiviti menghafaz Al-Quran sesuai dengan pengkhususan pelajar KUIM dalam disiplin agama yang menjadi teras pengajiannya. Pertandingan ini dibuka kepada semua pelajar KUIM dan terbahagi kepada beberapa kategori. Melalui pertandingan ini, diharapkan kemahiran dan mutu bacaan Al-Quran para pelajar KUIM akan dapat dipertingkatkan lagi.

- **Pameran Karier dan Pendidikan Undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (27-30 Oktober 2002)**

FSK telah menghantar pelajar dan juga pengiring bagi menyertai pameran Karier dan Pendidikan Undang-undang yang diadakan di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pada 27-30 Ogos 2002. Tujuan program tersebut diadakan adalah untuk memperkenalkan universiti-universiti yang menawarkan peluang pengajian dalam bidang undang-undang kepada para pelajar sekolah. Program ini memberi peluang kepada pelajar FSK KUIM berinteraksi dengan para pelajar dari Universiti lain juga.



Bengkel Penulisan dan Penyuntingan Artikel Buku Ilmiah.

- **Kursus Falak Syarie Anjuran Jabatan Falak Syarie, Jabatan Mufti, Selangor Darul Ehsan (21-23 Oktober 2002)**

FSK telah menghantar seramai enam orang pelajar menyertai Kursus Falak Syarie yang dianjurkan oleh Jabatan Falak Syarie, Jabatan Mufti, Selangor dari 21 hingga 23 Oktober 2002 di Hotel Residence, Putrajaya. Program ini diadakan dengan tujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang ilmu-ilmu falak serta peranannya dalam kehidupan masyarakat Islam. Bengkel tiga hari ini melibatkan pelajar-pelajar dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.

- **Aktiviti Persidangan Fakulti**

Bagi memastikan perancangan akademik KUIM dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa, aktiviti persidangan telah diadakan sama ada yang dianjurkan oleh pihak fakulti sendiri mahu pun oleh pihak pengurusan universiti. Penyelarasan aktiviti persidangan peringkat fakulti adalah di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Persidangan Peringkat Fakulti yang dipengerusikan oleh Prof Dr Mohamed Asin Dollah, Dekan Fakulti Pengajian Dakwah dan Pengurusan Islam (FDPI). Aktiviti persidangan yang dianjurkan oleh pihak fakulti pada masa ini bersifat dalam iaitu dibuka untuk ahli-ahli Universiti. Antara aktiviti persidangan yang dianjurkan oleh fakulti ialah berbentuk pembentangan kertas kerja dan forum seperti Wacana Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam (FDPI) yang telah diadakan selama tiga siri.

Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) pula telah menjemput seorang tokoh Ekonomi yang terkenal iaitu Prof Dr Masadul Alam Choudhury dari School of Business University College of Cape Breton, Canada bagi membentangkan sebuah topik berkaitan dengan perkembangan ekonomi bertajuk '*Knowledge In Islam: Pedagogy and Involvement*'. Ceramah Umum tersebut telah diadakan di Bilik Mesyuarat Fakulti KUIM, pada 5 Februari 2002. Para peserta terdiri daripada kakitangan akademik KUIM dan dipengerusikan oleh Dekan FEM, Prof Dr Muhamad Muda.

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa seminar yang telah diluluskan

dan dirancang tetapi tidak dapat diadakan oleh pihak fakulti kerana masalah masa yang agak terbatas dengan beberapa acara rasmi Universiti seperti Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap dan juga Seminar Antarabangsa yang dianjurkan sendiri oleh pihak Universiti.

Penyertaan kakitangan akademik di persidangan sama ada dalam dan luar negara adalah di bawah Urusetia Persidangan dan Penyelidikan Peringkat Pusat.

- **Ceramah Umum**

Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) telah mengadakan Ceramah Umum dengan menjemput seorang tokoh Ekonomi yang terkenal iaitu Prof Dr Masadul Alam Choudhury dari School of Business University College of Cape Breton, Canada untuk membentangkan sebuah topik berkaitan dengan perkembangan ekonomi bertajuk '*Knowledge In Islam: Pedagogy and Involvement*'. Ceramah Umum tersebut telah diadakan di Bilik Mesyuarat Fakulti KUIM, pada 5 Februari 2002. Para peserta terdiri daripada kakitangan akademik KUIM dan dipengerusikan oleh Dekan FEM, Prof Dr Muhamad Muda.

- **Anugerah Dekan FDPI Sesi 2001/2002 dan Taklimat Pelajar Baru**

Majlis Anugerah Dekan 2001/2002 telah diadakan pada 31 Mei 2002. Dalam majlis tersebut, pelajar-pelajar yang mencapai PNGS 3.60 ke atas pada peperiksaan akhir Semester I dan 2

Sesi 2001/02 telah menerima Sijil Penganugerahan masing-masing. Anugerah telah disampaikan oleh Dekan Fakulti. Di samping itu, satu Taklimat Pelajar Baru juga telah diadakan dalam majlis yang sama. Program ini juga bertujuan memberikan semangat dan motivasi kepada pelajar lain agar meningkatkan kecemerlangan mereka ke tahap yang maksimum.

Majlis Penghargaan Panel Penasihat Penubuhan Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Majlis Meraikan Panel Penasihat Penubuhan FEM telah diadakan pada 9 April 2002 bersempena dengan penghargaan tertubuhnya fakulti tersebut dan mengenang jasa-jasa serta sumbangan panel-panel yang terdiri daripada YBhg Prof Dr Takiah Mohd Iskandar, Dekan Fakulti Pengurusan Perniagaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); YBhg Dato' Hj Mohd Fadzli Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Takaful Malaysia Berhad; Tuan Hj Mustapha Hamat, Ketua Pegawai Esekutif *Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia* (IBFIM); En Hammad Shabab Hj Din, Presiden *Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators* (MAICSA) dan Puan Hajjah Rohani Dato' Mohd Shahir, Ketua Pegawai Eksekutif *Hijrah Unit Trust Management Berhad*.



Wacana Dakwah dan Pengurusan Islam, Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam (FDPI)

Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam (FDPI) telah menyusun sesi wacananya sepanjang tahun bagi Sesi 2002/2003 ini. Siri Wacana Dakwah dan Pengurusan Islam diadakan bagi menggalakkan pelajar bersikap pro-aktif dalam mengumpulkan input berkenaan dakwah dan pengurusan Islam di samping menggalakkan kaktangan akademik menghasilkan output dan kertas-kertas pembentangan yang relevan dengan keperluan bidang kepakaran masing-masing. Bagi melancarkan perjalanan wacana tersebut, satu Jawatankuasa telah ditubuhkan dengan melantik Dr Syamsul Bahri Andi Galigo sebagai Pengerusi yang bertanggungjawab mengatur dan memantau segala kegiatan. Wacana ini telah berjaya diadakan sebanyak empat kali dan sambutan daripada kaktangan dan pelajar KUIM amat menggalakkan.

Seramai 6 pembentang telah membentangkan kertas kerja masing-masing termasuk seorang pembentang luar iaitu Prof Dr H.A. Ya'kub Matondang, Professor Pelawat, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wacana Ilmu Fakulti Ekonomi dan Muamalat & Unit Pengajian Umum



Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) telah menyusun sesi wacananya bagi baki tahun 2002 iaitu bermula bulan September

sehingga Disember. Siri Wacana Ilmu Fakulti Ekonomi dan Muamalat & Unit Pengajian Umum diadakan bagi mengembangkan pengetahuan kakitangan akademik dan menggalakkan mereka berbincang mengenai artikel yang berkaitan dengan topik terkini dalam bidang Ekonomi dan Muamalat. Aktiviti ini dijalankan secara tertutup dan meliputi kakitangan akademik sahaja. Wacana ini telah berjaya diadakan sebanyak dua kali dan sambutan daripada kakitangan Fakulti Ekonomi dan Muamalat & Unit Pengajian Umum amat menggalakkan.



PENYATA KEWANGAN 2002

| Yang Belum Diaudit |



| KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA |

Laporan Kewangan 2002

Perbelanjaan Mengurus •


KUIM telah diberi peruntukan di bawah Belanja Mengurus untuk tahun 2002 sebanyak RM16,787,900 mengikut pecahan seperti berikut:

1. Peruntukan Sedia Ada RM8,978,600
2. Peruntukan Dasar Baru RM6,500,000
3. Peruntukan One-Off RM1,309,300

Pendapatan Mengurus yang diterima pada tahun 2002 bertambah sebanyak RM2,666,900 (18.89%) berbanding dengan peruntukan yang diterima pada tahun 2001. Pecahan Peruntukan Dasar Sedia Ada yang diterima pada tahun 2002 bertambah sebanyak RM373,400 (4.34%), Peruntukan Dasar Baru pada tahun 2002 bertambah sebanyak, RM1,347,200 (26.14%) dan Peruntukan Dasar One Off bertambah sebanyak RM546,300 (72%) berbanding dengan pecahan peruntukan yang diterima pada tahun 2001. Pendapatan mengurus KUIM daripada peruntukan Kerajaan pada tahun 2002 adalah sebanyak 77.85% berbanding dengan 87.06% pada tahun 2001,



**Prestasi Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus
Tahun 2002**



manakala daripada pendapatan punca-punca lain universiti adalah sebanyak 24.48% berbanding dengan 14.17% pada tahun 2001.

Perbelanjaan Aset adalah sebanyak 15.75% daripada jumlah Peruntukan Mengurus telah melebihi Peruntukan Aset yang diberi sebanyak 9.91% daripada jumlah Peruntukan Mengurus. Ini disebabkan

keperluan peralatan ICT yang telah ditampung melalui wang penjimatan KUIM yang ada.

Secara keseluruhan prestasi perbelanjaan KUIM berbanding dengan peruntukan Belanja Mengurus yang diterima pada tahun 2002 ialah sebanyak 96.86%.

Perbelanjaan Sebenar Berbanding Dengan Peruntukan Diterima

Perkara	Peruntukan	%	Penggunaan	%	% Guna Keseluruhan
Emolumen	6,315,370	37.62	5,506,106	33.86	32.8
Perkhidmatan & Bekalan	8,009,960	47.71	7,767,024	47.76	46.26
Aset	1,663,270	9.91	2,643,896	16.26	15.75
Pemberian, Bayaran & Perbelanjaan Lain	799,300	4.76	343,741	2.12	2.05
JUMLAH	16,787,900	100	16,260,767	100	96.86

Komponen perbelanjaan yang terbesar dalam Belanja Mengurus tahun 2002 adalah untuk belanja perkhidmatan & bekalan iaitu sebanyak 47.76% dan yang kedua terbesar ialah emolumen sebanyak 33.86%.

Penyata Lembaga Pengarah

Penyata Oleh Lembaga Pengarah Universiti Kolej Universiti Islam Malaysia

Kami **Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor** dan **Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin** yang merupakan dua orang Ahli Lembaga Pengarah Universiti Kolej Universiti Islam Malaysia dengan ini menyatakan, bagi pihak Lembaga Pengarah Universiti, bahawa pada pendapat kami Kunci Kira-Kira, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Perubahan dalam Kedudukan Kewangan yang berikut ini berserta yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kolej Universiti Islam Malaysia pada 31 Disember 2002 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

74

Bagi Pihak Lembaga Pengarah Universiti,

Bagi Pihak Lembaga Pengarah Universiti,

Nama : Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor

Gelaran : Pengurus Lembaga Pengarah Universiti

Tarikh : 10 April 2003

Tempat : Kolej Universiti Islam Malaysia
Kuala Lumpur

Nama : Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin

Gelaran : Rektor

Tarikh : 10 April 2003

Tempat : Kolej Universiti Islam Malaysia
Kuala Lumpur


**Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang
Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan
Kolej Universiti Islam Malaysia**

Saya **ROHANI BINTI ABU** (KP: 500621-07-5234) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Kolej Universiti Islam Malaysia dengan ikhlasnya mengakui bahawa Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2002, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Perubahan dalam Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya }
diakui oleh penama di atas }
ROHANI BINTI ABU }
di Kuala Lumpur }
pada 9 April 2003 }

Rohani Abu

Di hadapan



Penyata Kewangan

**Kolej Universiti Islam Malaysia
LEMBARAN IMBANGAN DISATUKAN
Pada 31 Disember 2002**

	Nota	2002 (RM)	2001 (RM)
Hartanah, Loji dan Peralatan	2	5,716,866	4,062,083
Pembinaan Dalam Kemajuan	3	46,168,505	0
Aset Semasa			
Wang di Tangan dan Baki di Bank	4	76,434,910	5,267,210
Simpanan Tetap	5	7,240,596	2,092,764
Deposit dan Bayaran Terdahulu	6	945,484	908,939
Penghutang Pelajar	7	234,020	100,376
Pelbagai Penghutang	8	102,791	67,697
Jumlah Aset Semasa		84,957,801	8,436,986
Tolak:			
Liabiliti Semasa			
Pembiutang	9	855,091	93,177
Jumlah Liabiliti Semasa		855,091	93,177
Aset Semasa Bersih		84,102,710	8,343,809
		135,988,081	12,405,892
Dibiayai oleh:			
Kumpulan Wang Pengurusan	10	15,187,300	11,867,449
Kumpulan Wang Pembangunan	11	119,531,540	0
Pelbagai Tabung dan Akaun Amanah	12	625,649	143,543
Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB)	13	643,592	394,900
		135,988,081	12,405,892

| Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini |

**Kolej Universiti Islam Malaysia
LEMBARAN IMBANGAN MENGURUS
Pada 31 Disember 2002**

	Nota	2002 (RM)	2001 (RM)
Hartanah, Loji dan Peralatan	2	5,716,866	4,062,083
Aset Semasa			
Wang di Tangan dan Baki di Bank	4	72,356,275	5,267,210
Simpanan Tetap	5	7,240,596	2,092,764
Deposit dan Bayaran Terdahulu	6	945,484	908,939
Penghutang Pelajar	7	234,020	100,376
Pelbagai Penghutang	8	102,791	67,697
Jumlah Aset Semasa		80,879,166	8,436,986
Tolak:			
Liabiliti Semasa			
Pembiayaan	9	855,091	93,177
Jumlah Liabiliti Semasa		855,091	93,177
Aset Semasa Bersih		80,024,075	8,343,809
		85,740,941	12,405,892
Dibiayai oleh:			
Kumpulan Wang Pengurusan	10	15,187,300	11,867,449
Kumpulan Wang Pembangunan	11	69,284,400	-
Pelbagai Tabung dan Akaun Amanah	12	625,649	143,543
Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB)	13	643,592	394,900
		85,740,941	12,405,892

Kolej Universiti Islam Malaysia
PENYATA PENDAPATAN & PERBELANJAAN DISATUKAN
Pada 31 Disember 2002

	Nota	2002 (RM)	2001 (RM)
Pendapatan			
Geran Pemberian Kerajaan - Pengurusan	1.4	16,182,000	13,821,000
- Pembangunan	1.4	119,284,400	0
Yuran Pengajian	1.5	3,322,141	2,133,212
		138,788,541	15,954,212
Lain-lain Pendapatan			
Hasil Perkhidmatan		12,091	10,556
Jualan Kad Fotostat & Borang		65,331	5,268
Hasil Sewaan		23,749	7,200
Hibah		583,418	135,144
Hasil Denda		13,148	0
Terimaan Sumbangan & Bayaran Ganti		109,486	0
Pelbagai Penerimaan		27,257	7,203
		834,480	165,371
Jumlah Pendapatan		139,623,021	16,119,583
Perbelanjaan			
Emolumen			
Gaji Pokok	14	3,846,884	2,035,308
Imbuhan/Elaun Tetap		1,369,739	845,587
Sumbangan Berkanun		450,796	230,875
Elaun Lebih Masa		136,474	58,852
Faedah Kewangan Yang Lain		548,152	228,277

Kolej Universiti Islam Malaysia
PENYATA PENDAPATAN & PERBELANJAAN DISATUKAN
Pada 31 Disember 2002

	Nota	2002 (RM)	2001 (RM)
Perkhidmatan & Bekalan			
Perjalanan dan Sara Hidup		359,496	75,812
Pengangkutan Barang-barang		37,482	17,920
Perhubungan dan Utiliti		684,961	352,459
Sewaan		3,678,094	2,240,328
Minyak Kenderaan		59,838	27,554
Bekalan dan Bahan-bahan Lain		1,578,789	833,092
Penyelenggaraan/Pembaikan Kecil yang Dibeli		478,177	197,136
Perkhidmatan Iktisas/Lain-lain		1,885,600	1,112,394
Pemberian & Kenaan Bayaran			
Pemberian Dalam Negeri		115,906	53,729
Faedah dan Dividen		1,437	284
Belanja Susutnilai	2	1,443,771	1,075,039
Perbelanjaan		16,675,596	9,384,647
Lebihan/(Kurangan) Dari Pendapatan Tahun Semasa		122,947,425	6,734,936
Lebihan/(Kurangan) Dari Pendapatan Tahun Lepas			
Sebelum Pelarasan		11,867,449	5,135,945
Pelarasan Pada Tahun Lepas		(96,034)	(3,432)
Lebihan/(Kurangan) Dari Pendapatan Tahun Lepas			
Selepas Pelarasan		11,771,415	5,132,513
Lebihan/(Kurangan) Dari Pendapatan		134,718,840	11,867,449

| Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini |

2002 | PENYATA KEWANGAN |
 (Yang Belum Diaudit)

Kolej Universiti Islam Malaysia
PENYATA PENDAPATAN & PERBELANJAAN MENGURUS
Pada 31 Disember 2002

	Nota	2002 (RM)	2001 (RM)
Pendapatan			
Geran Pemberian Kerajaan - Pengurusan	1.4	16,182,000	13,821,000
Yuran Pengajian	1.5	3,322,141	2,133,212
		19,504,141	15,954,212
Lain-lain Pendapatan			
Hasil Perkhidmatan		12,091	10,556
Jualan Kad Fotostat & Borang		65,331	5,268
Hasil Sewaan		23,749	7,200
Hibah		336,256	135,144
Hasil Denda		13,148	0
Terimaan Sumbangan & Bayaran Ganti		109,486	0
Pelbagai Penerimaan		27,257	7,203
		587,318	165,371
Jumlah Pendapatan		20,091,459	16,119,583
Perbelanjaan			
Emolumen			
Gaji Pokok	14	3,846,884	2,035,308
Imbuhan/Elaun Tetap		1,369,739	845,587
Sumbangan Berkanun		450,796	230,875
Elaun Lebih Masa		136,474	58,852
Faedah Kewangan Yang Lain		548,152	228,277
Perkhidmatan & Bekalan			
Perjalanan dan Sara Hidup		359,496	75,812
Pengangkutan Barang-barang		37,482	17,920
Perhubungan dan Utiliti		684,961	352,459
Sewaan		3,678,094	2,240,328
Minyak Kenderaan		59,838	27,554
Bekalan dan Bahan-bahan Lain		1,578,789	833,092
Penyelenggaraan/Pembaikan Kecil yang Dibeli		478,177	197,136
Perkhidmatan Iktisas/Lain-lain		1,885,578	1,112,394

Kolej Universiti Islam Malaysia
PENYATA PENDAPATAN & PERBELANJAAN MENGURUS
Pada 31 Disember 2002

	Nota	2002 (RM)	2001 (RM)
Pemberian & Kenaan Bayaran			
Pemberian Dalam Negeri		115,906	53,729
Faedah dan Dividen		1,437	284
Belanja Susutnilai	2	1,443,771	1,075,039
Perbelanjaan		<u>16,675,574</u>	<u>9,384,647</u>
Lebihan/(Kurangan) Dari Pendapatan Tahun Semasa		3,415,885	6,734,936
Lebihan/(Kurangan) Dari Pendapatan Tahun Lepas			
Sebelum Pelarasan		11,867,449	5,135,945
Pelarasan Pada Tahun Lepas		(96,034)	(3,432)
Lebihan/(Kurangan) Dari Pendapatan Tahun Lepas		<u>11,771,415</u>	<u>5,132,513</u>
Lebihan/(Kurangan) Dari Pendapatan		<u>15,187,300</u>	<u>11,867,449</u>

| Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini |

Kolej Universiti Islam Malaysia
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR
Pada 31 Disember 2002

	Kumpulan Wang Pengurusan (RM)	Kumpulan Wang Pembangunan (RM)	Pelbagai Tabung & Akaun Amanah (RM)	Skim Latihan Akademik Bumiputera (RM)	Jumlah (RM)
2001					
Pada 1 Januari	5,135,945	0	15,495	100,00	5,251,440
Tambahan/(Kurangan) Tahun Semasa	6,734,936	0	128,048	294,900	7,157,884
Pelarasan Tahun Lepas	(3,432)	0	0	0	(3,432)
Pada 31 Disember	<u>11,867,449</u>	<u>0</u>	<u>143,543</u>	<u>394,900</u>	<u>12,405,892</u>
2002					
Pada 1 Januari	<u>11,867,449</u>	<u>0</u>	<u>143,543</u>	<u>394,900</u>	<u>12,405,892</u>
Tambahan/(Kurangan) Tahun Semasa	<u>3,415,885</u>	<u>119,531,540</u>	<u>482,106</u>	<u>248,692</u>	<u>123,678,223</u>
Pelarasan Tahun Lepas	<u>(96,034)</u>	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>(96,034)</u>
Pada 31 Disember	<u>15,187,300</u>	<u>119,531,540</u>	<u>625,649</u>	<u>643,592</u>	<u>135,988,081</u>

Kolej Universiti Islam Malaysia
PENYATA ALIRAN TUNAI AKAUN DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR
Pada 31 Disember 2002

	2002 (RM)	2001 (RM)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi		
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan daripada Perbelanjaan	122,947,425	6,729,835
Pelarasan bagi perkara yang tidak melibatkan pergerakan dana:		
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	1,443,771	1,075,039
Pelarasan Tahun Lepas	(96,034)	(3,432)
Aliran tunai daripada operasi sebelum perubahan modal kerja	124,295,262	7,801,442
Pengurangan/(Pertambahan) modal kerja:		
Pelbagai Penghutang	(205,283)	(690,160)
Stok	0	38,375
Pelbagai Pembiutang	761,914	(468,776)
Tunai bersih dari aktiviti operasi	124,851,793	6,680,881
Aliran Tunai Untuk Aktiviti Pelaburan		
Pembelian harta tetap	(3,098,554)	(3,036,480)
Perbelanjaan Pembinaan Dalam Kemajuan	(46,168,505)	(0)
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	(49,267,059)	(3,036,480)
Aliran Tunai Untuk Aktiviti Kewangan		
Pembianaan dari Pelbagai Tabung	482,106	128,048
Pembianaan dari Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB)	248,692	300,000
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti kewangan	730,798	428,048

**Kolej Universiti Islam Malaysia
 PENYATA ALIRAN TUNAI AKAUN DISATUKAN
 BAGI TAHUN BERAKHIR
 Pada 31 Disember 2002**

	2002 (RM)	2001 (RM)
Pertambahan/(Pengurangan) Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai	76,315,532	4,072,449
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	7,359,974	3,287,525
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	83,675,506	7,359,974
Tunai dan Kesetaraan Termasuk:		
Tunai dan Bank	76,434,910	5,267,210
Simpanan Tetap	7,240,595	2,092,764
	83,675,506	7,359,974

**Kolej Universiti Islam Malaysia
NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR
Pada 31 Disember 2002**

NOTA I

Dasar Perakaunan Penting

1.1 Aktiviti Utama

Aktiviti utama Kolej Universiti Islam Malaysia dapat dilihat dari 3 fungsi utamanya iaitu:

a. **Pengurusan dan Pembangunan Akademik**

Melibati aktiviti pengajaran, penerbitan, khidmat masyarakat, pengambilan pelajar, peperiksaan dan pengijazahan.

b. **Pentadbiran dan Pengurusan Kakitangan**

Melibati aktiviti Pembangunan Sumber Manusia, Pembangunan dan Aktiviti Pelajar, Pembangunan Kualiti dan Perhubungan Luar, Hal Ehwal Korporat dan Pusat Kecemerlangan.

c. **Pusat Data dan Teknologi Maklumat**

Melibuti pembelian Koleksi Perpustakaan, kendalian Teknologi Maklumat dan Kemudahan Fizikal.

1.2 Asas Perakaunan

Penyata Kewangan Universiti ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan yang telah diluluskan di Malaysia.

1.3 Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

a. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai pada tahun semasa.

b. Setiap unit hartaanah, loji dan peralatan yang memenuhi kriteria-kriteria hartaanah, loji dan peralatan dari segi kos usia guna melebihi satu tahun akan dipermodalkan. Hartanah, loji dan peralatan yang tidak memenuhi kriteria-kriteria hartaanah, loji dan peralatan akan diambilkira sebagai perbelanjaan tahun semasa.

c. Susutnilai bagi hartaanah, loji dan peralatan dikira berdasarkan kaedah garis lurus ke atas anggaran usia guna hartaanah, loji dan peralatan. Susutnilai penuh dikenakan dalam tahun perolehan atau pembelian dan tiada susutnilai dikenakan dalam tahun penjualan.

- d. Polisi untuk kadar susutnilai tahunan aset tetap telah ditukar dan ditetapkan seperti berikut:

Infrastruktur	5%
Ubahsuai Pejabat	5%
Kenderaan & Jentera	20%
Komputer & Rangkaian	20%
Mesin Alat Pejabat	20%
Perabot & Pasangan	20%
Alat Bantuan Mengajar	10%
Aset Asrama	20%
Alat Pandang Dengar	10%
Alat Perhubungan	10%

- e. Buku-buku Perpustakaan tidak dipermodalkan dan direkodkan di dalam Daftar Buku-buku Perpustakaan.

1.4 Geran Pemberian Kerajaan

Geran Pemberian Kerajaan untuk belanja mengurus dan pembangunan diambilkira dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan. Pemberian untuk Skim Latihan Akademik Bumiputra (SLAB), Pinjaman Komputer dan Kenderaan diakaunkan terus dalam akaun berkenaan. Bagi pemberian kerajaan untuk projek pembangunan ianya diiktiraf sebagai geran.

1.5 Pembinaan Dalam Kemajuan

Pembinaan Dalam Kemajuan dapat dinilai pada peringkat bayaran. Susutnilai tidak diperuntukkan. Apabila pembinaan siap, kos pembangunan dipindah ke dalam aset tetap.

1.6 Pendapatan

Pendapatan dari yuran dan simpanan tetap dan lain-lain pendapatan tidak ada arahan amanah khusus dianggap sebagai pendapatan universiti. Pendapatan dari pelaburan dikira hingga tarikh akhir kewangan.

1.7 Yuran Pengajian

Yuran pengajian perlu dibayar setiap semester pada pertengahan dan akhir tahun kewangan. Hanya yuran semester yang berkaitan dengan tahun kewangan semasa diambilkira sebagai pendapatan.

1.8 Cukai Pendapatan

Universiti masih dalam proses memohon pengecualian cukai pendapatan.

1.9 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai adalah merangkumi wang tunai di tangan dan baki di bank serta simpanan tetap yang tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan.

NOTA 2**ASET TETAP****2002**

KOS	Pekara	Infrastruktur (RM)	Ubahsi Pejabat (RM)	Kenderaan dan Jentera (RM)	Komputer dan Rangkaian (RM)	Mesin/Alat Pegabat (RM)	Perabot dan Pemasangan (RM)	Alat Bantuan Mengajar (RM)	Aset Akrana (RM)	Alat Perhubungan (RM)	Alat Pandang Dengar (RM)	Alat Kelengkapan Komokesyen (RM)	Alat Sultan (RM)	Jumlah (RM)	
Pada 1 Januari		129,255	453,213	1,495,373	1,426,523	92,493	1,285,866	36,180	370,980	42,460	36,851	0	0	5,269,194	
Tambahan		47,710	45,421	784,149	969,898	129,119	550,494	72,578	255,617	1,879	5,870	110,000	3,380	3,385,115	
Pelarasan/Tahun Lepas		0	0	(40,62)	(220,936)	(2,289)	(22,994)	0	0	(190)	0	0	0	(285,562)	
Pada 31 Disember		176,965	907,634	2,239,360	2,175,485	219,332	1,813,366	108,758	626,597	44,149	42,721	110,000	3,380	8,467,747	
SUSUTNILAI															
Pada 1 Januari		25,851	103,462	403,010	356,396	22,215	295,959	9,894	74,461	8,492	7,370	0	0	1,307,110	
Tambahan		8,848	45,382	447,872	435,097	43,866	362,673	10,876	125,319	4,415	4,272	11,000	845	1,500,466	
Pelarasan/Tahun Lepas		0	19,011	(40,773)	(53,370)	9,770	(185)	10,730	0	0	(1,878)	0	0	(56,995)	
Pada 31 Disember		34,699	167,835	810,109	738,123	75,851	658,447	31,500	199,780	12,907	9,764	11,000	845	2,750,881	
NILAI BUKU BERSIH															
Pada 1 Januari		103,404	349,751	1,092,363	1,070,127	70,277	989,907	26,286	296,519	33,968	29,481	0	0	4,062,083	
Tambahan		38,862	409,039	336,277	534,801	85,253	187,821	61,702	130,298	(2,536)	1,598	99,000	2,535	1,884,649	
Pelarasan/Tahun Lepas		0	(19,011)	611	(167,566)	(12,050)	(22,809)	(10,730)	0	(190)	1,878	0	0	(229,867)	
Pada 31 Disember		142,266	739,779	1,429,251	1,437,362	143,480	1,154,919	77,258	426,817	31,242	32,957	99,000	2,535	5,716,866	

2001

KOS	Perkara	Tanah dan Infrastruktur (RM)	Unilsai Pejabat (RM)	Kenderaan dan Jantera (RM)	Komputer dan Rangkaian (RM)	Mesila/lat Pejabat (RM)	Perabot dan Pemasangan (RM)	Alat Bantuan Mengajar (RM)	Aset Asrama (RM)	Alat Pandang Dengar (RM)	Alat Perhubungan (RM)	Kelengkapan Kompleksyen (RM)	Alat Sukan (RM)	Jumlah (RM)
Pada 1 Januari	0	128,191	1,039,354	710,912	37,165	387,858	26,580	2,654	0	0	0	0	2,332,714	
Tambahan	129,255	325,022	456,019	715,611	55,328	898,008	9,600	368,326	42,460	36,851	0	0	3,036,480	
Pada 31 Disember	129,255	453,213	1,495,373	1,426,523	92,493	1,285,866	36,180	370,980	42,460	36,851	0	0	5,369,194	
SUSUTNILAI														
Pada 1 Januari	0	12,819	102,735	71,091	3,717	38,786	2,658	265	0	0	0	0	0	232,071
Tambahan	25,851	90,643	300,275	285,305	18,499	257,173	7,236	74,196	8,492	7,370	0	0	0	1,075,040
Pada 31 Disember	25,851	103,462	403,010	356,396	22,216	295,959	9,894	74,461	8,492	7,370	0	0	0	1,307,111
NILAI BUKU BERSIH														
Pada 1 Januari	0	115,372	936,619	639,821	33,448	349,072	23,922	2,389	0	0	0	0	0	2,100,643
Tambahan	103,404	234,379	155,744	430,306	36,829	640,835	2,364	294,130	33,968	29,481	0	0	0	1,961,440
Pada 31 Disember	103,404	349,751	1,092,363	1,070,127	70,277	989,907	26,286	296,519	33,968	29,481	0	0	0	4,062,083

NOTA 3**Pembinaan Dalam Kemajuan**

	Baki Pada 1 Januari (RM)	Perbelanjaan Semasa (RM)	Pindahan Ke Aset (RM)	Baki Pada 31 Disember (RM)
2002	0	46,168,505	0	46,168,505

NOTA 4**Wang di Tangan dan di Bank**

Terdiri daripada:

	2002 (RM)	2001 (RM)
i. Wang Runcit	1,950	1,000
ii. Akaun Pengurusan	72,354,325	5,266,210
iii. Akaun Pembangunan	4,078,635	0
 Baki pada 31 Disember	 <u>76,434,910</u>	 <u>5,267,210</u>

NOTA 5**Simpanan Tetap**

Bagi mendapatkan pulangan faedah yang maksima ke atas wang tunai yang tersimpan, pelaburan telah dibuat di dalam Simpanan Tetap di sebuah institusi kewangan tempatan seperti berikut:

	2002 (RM)	2001 (RM)
Jumlah Pelaburan	2,092,764	2,031,320
Tambahan Pelaburan Pada Tahun Semasa	5,000,000	0
Campur: Pulangan faedah/hibah pada tempoh semasa	147,832	61,444
 Jumlah pelaburan pada 31 Disember	 <u>7,240,596</u>	 <u>2,092,764</u>

2002 | PENYATA KEWANGAN |

(Yang Belum Diaudit)

NOTA 6

Deposit dan Bayaran Terdahulu

Terdiri daripada:

	2002 (RM)	2001 (RM)
i. Deposit Elektrik	3,000	3,000
ii. Deposit Sewa	866,986	830,441
iii. Deposit Air	67,398	67,398
iv. Deposit Ubahsuai	5,000	5,000
v. Pelbagai Deposit	1,000	1,000
vi. Bayaran Terdahulu	2,100	2,100
 Baki pada 31 Disember	945,484	908,939

NOTA 7

Penghutang Pelajar

Terdiri daripada:

	2002 (RM)	2001 (RM)
i. Pelajar Tahun Satu	146,617	63,396
ii. Pelajar Tahun Dua	61,481	36,980
iii. Pelajar Tahun Tiga	14,162	0
iv. Pelajar Sarjana	5,460	0
v. Pelajar PhD	6,300	0
 Baki pada 31 Disember	234,020	100,376

NOTA 8**Pelbagai Penghutang dan Aset Semasa**

Terdiri daripada:

	2002 (RM)	2001 (RM)
i. Penghutang Pendahuluan Kakitangan	52,800	36,733
ii. Penghutang Pendahuluan Persatuan Pelajar	3,220	2,375
iii. Penghutang Pembekal	46,771	27,300
iv. Faedah Belum Diterima	0	1,289
 Baki pada 31 Disember	<u>102,791</u>	<u>67,697</u>

NOTA 9**Pembiayaan**

Terdiri daripada:

	2002 (RM)	2001 (RM)
i. Pembekal Luar	832,861	72,372
ii. Lain-lain Pembiayaan	22,230	20,805
 Baki pada 31 Disember	<u>855,091</u>	<u>93,177</u>

NOTA 10**Kumpulan Wang Pengurusan**

	Baki Pada 1 Januari (RM)	Lebihan/ (Kurangan) Tahun Semasa (RM)	Pelarasan Pada Tahun Lepas (RM)	Baki Pada 31 Disember (RM)
2001	5,135,945	6,734,936	(3,432)	11,867,449
2002	11,867,449	3,415,885	(96,034)	15,187,300

2002 | PENYATA KEWANGAN |
 (Yang Belum Diaudit)

NOTA 11

Kumpulan Wang Pembangunan

Baki Pada 1 Januari (RM)	Lebihan/ (Kurangan) Tahun Semasa (RM)	Pelarasan Pada Tahun Lepas (RM)	Baki Pada 31 Disember (RM)
2002	0	119,531,540	0

NOTA 12

Pelbagai Tabung dan Akaun Amanah

Terdiri daripada:

	2002 (RM)	2001 (RM)
i. Tabung Biasiswa	7,300	0
ii. Program Pembangunan Sahsiah Pelajar	9,849	14,700
iii. Akaun Khas-Jaksa	22,575	0
iv. Tabung Kebajikan Pelajar	17,185	2,695
v. Tabung Pengetua	55,088	52,079
vi. Tabung Pinjaman Kenderaan	166,079	74,167
v. Tabung Pinjaman Komputer	(5,069)	(98)
vi. Tabung Penerbitan	265,946	0
vii. Tabung Penyelidikan Jangka Pendek	86,696	0
Baki pada 31 Disember	625,649	143,543

| PENYATA KEWANGAN | 2002
 (Yang Belum Diaudit)

NOTA 13

Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB)

	Baki Pada 1 Januari (RM)	Geran			Lebihan/ (Kurangan) Tahun Semasa (RM)	Pelarasan Pada Lepas (RM)	Baki Pada 31 Disember (RM)
		Pemberian Kerajaan (RM)	Lain Sumber (RM)	Perbelanjaan (RM)			
2001	100,000	300,000	0	(5,100)	294,900	0	394,900
2002	394,900	305,900	0	(57,208)	248,692	0	643,592

NOTA 14

Gaji Pokok

Pada 31 Disember, 2002, pihak Universiti mempunyai kakitangan sebanyak 225 orang (2001: 124 orang).

NOTA 15

Angka-Angka Perbandingan

Angka-angka bandingan tertentu telah dikelaskan semula supaya menurut pembentangan penyata kewangan tahun semasa.



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

www.kuim.edu.my



